

## BAB 2

# Tinjauan Makroekonomi

### 49 PERSPEKTIF KESELURUHAN

---

### 50 EKONOMI 2021

#### EKONOMI GLOBAL

Rencana 2.1 – ASEAN Catalytic Green Finance Facility

#### EKONOMI DOMESTIK

Rencana 2.2 – Ekonomi Digital: Transformasi ke arah Negara Berdaya Tahan

---

### 82 TINJAUAN 2022

#### TINJAUAN GLOBAL

Rencana 2.3 – Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau: *The Chiang Mai Initiative Multilateralisation*

#### TINJAUAN DOMESTIK

Rencana 2.4 – Memperkasa Sekuriti Makanan Melalui Kemampuan Sektor Pertanian

Rencana 2.5 – Menggalakkan Pelaburan Berkualiti bagi Mencapai Pembangunan Mampan

---

### 103 KESIMPULAN

---

### 104 RUJUKAN

---



## BAB 2

# Tinjauan Makroekonomi

## Perspektif Keseluruhan

*Vaksinasi massa, pemangkin ke arah pemulihan ekonomi dalam norma baharu*

Pertumbuhan global diunjur kembali meningkat pada 2021 selepas mencatat penguncupan ketara pada 2020 namun menyederhana pada 2022. Penurunan pada 2020 terutamanya disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sehingga 13 Oktober 2021 terdapat 238.5 juta kes COVID-19 yang disahkan termasuk 4.9 juta kematian global. Laporan WHO juga menyatakan kadar pemberian vaksin di peringkat global adalah sebanyak 6.4 bilion dos. Usaha membendung pandemik khususnya melalui pemberian vaksin, rangsangan fiskal dan sokongan dasar dijangka dapat memulihkan sentimen perniagaan dan pengguna serta merancakkan semula kegiatan ekonomi di negara maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE). Walau bagaimanapun, risiko prospek pertumbuhan yang rendah masih wujud berikutan ketidaktentuan situasi pandemik COVID-19. Penyebaran varian baharu dan mutasi virus serta perbezaan kadar pemberian vaksin di samping sokongan dasar dijangka menyebabkan pemulihan tidak sekata dalam kalangan ekonomi dunia.

Ekonomi Malaysia mengalami kesan negatif akibat pandemik COVID-19 pada 2020 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar menguncup sebanyak 5.6%. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tanda pemulihan ekonomi pada akhir 2020 disusuli peningkatan ketara KDNK sebanyak 16.1% pada suku kedua 2021 berbanding kemerosotan 17.2% pada suku yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disebabkan oleh kesan asas yang rendah, pemulihan permintaan luar dan pembukaan

semula sektor ekonomi secara berperingkat semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan virus. Pelaksanaan lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion sejak 2020 serta langkah Belanjawan 2021 yang bertujuan mengurangkan kesan ke atas isi rumah dan perniagaan juga menyumbang kepada pertumbuhan tersebut. Momentum pertumbuhan dijangka berkembang sebanyak 0.4% pada separuh kedua 2021 dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang merupakan strategi untuk keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi. Pelaksanaan PPN membabitkan pembukaan ekonomi secara berperingkat sejajar dengan kemajuan yang dicapai dalam menguruskan pandemik ini. Kepantasan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebagai komponen penting dalam PPN dijangka membolehkan pembukaan ekonomi sepenuhnya pada suku keempat. Dengan prospek pertumbuhan yang lebih baik pada suku keempat, ekonomi dijangka berkembang antara 3% - 4% pada 2021.

Trajektori pertumbuhan ekonomi pada 2022 adalah berdasarkan kepada pengembangan berterusan aktiviti ekonomi global dan domestik didorong oleh liputan vaksinasi yang lebih meluas serta penambahbaikan berterusan dalam perdagangan barangan di samping pemulihan lebih perlahan dalam perdagangan perkhidmatan. Pemulihan permintaan domestik dijangka berterusan pada 2022 diterajui oleh penggunaan swasta berikutan pasaran buruh yang semakin baik susulan pelonggaran langkah pembendungan wabak, sentimen pengguna dan perbelanjaan yang lebih baik hasil daripada pelaksanaan program vaksinasi serta sokongan dasar yang disasarkan kepada isi rumah mudah terjejas. Kemajuan program vaksinasi yang pantas juga dijangka akan meningkatkan permintaan terutamanya bagi pelancongan domestik dan riadah seterusnya

menyokong pemulihan ekonomi. Permintaan luar yang kukuh terutamanya bagi komoditi utama dan produk elektrik & elektronik (E&E) dijangka menyokong lonjakan eksport seterusnya membantu mengekalkan lebih akaun semasa dalam imbalan pembayaran (BOP).

Dari sudut penawaran, hampir semua sektor ekonomi dijangka berkembang diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih 80% kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, sektor perlombongan diunjur merosot sebahagiannya disebabkan oleh kerja penyelenggaraan berjadual. Normalisasi aktiviti ekonomi didorong oleh pelaksanaan vaksinasi secara menyeluruh akan merencanakan subsektor perdagangan borong dan runcit serta aktiviti berkaitan pelancongan domestik. Unjuran pengeluaran produk pembuatan yang lebih tinggi juga adalah sejajar dengan jangkaan peningkatan permintaan daripada industri berorientasikan eksport dan domestik. Sentimen pengguna dan perniagaan yang positif serta jangkaan peningkatan pendapatan akan menyokong pemulihan pasaran buruh walaupun pada tahap yang lebih sederhana berbanding prapandemik. Kesenambungan pelbagai inisiatif bagi menstabilkan pasaran buruh dan kadar vaksinasi yang tinggi dijangka memberi keyakinan kepada majikan untuk mengekalkan pekerja. Mengambil kira keseluruhan faktor, KDNK negara dijangka berkembang antara 5.5% - 6.5% pada 2022.

## Ekonomi 2021

### Ekonomi Global

*Prospek pertumbuhan secara berperingkat*

**Ekonomi global** dijangka berkembang 5.9% pada 2021. Pertumbuhan dijangka disokong oleh pemberian vaksin yang meluas dan sokongan dasar yang akomodatif serta kenaikan harga komoditi. Namun begitu, kadar jangkitan yang lebih tinggi dan varian baharu virus COVID-19 dijangka menjadi halangan kepada pemulihan ekonomi.

Pertumbuhan KDNK dalam kalangan negara maju dijangka berkembang sebanyak 5.2% pada 2021 dipacu oleh kelonggaran sekatan

berkaitan pandemik, pemberian vaksin yang pantas dan sokongan fiskal berskala besar. Ekonomi AS dianggar berkembang sebanyak 6% dengan pakej pemulihan yang telah diluluskan Senat berjumlah sekitar USD4 trilion dijangka akan memperkukuh jaringan keselamatan sosial, merencanakan pertumbuhan dan memberi limpahan positif yang ketara kepada rakan dagang. Pertumbuhan KDNK di kawasan euro dijangka meningkat sebanyak 5% dengan permintaan luar yang terus meningkat. Pertumbuhan ekonomi Singapura diunjur meningkat sebanyak 6% disokong oleh pelonggaran sekatan domestik dan sempadan berikutan peningkatan kadar vaksinasi yang berterusan. Ekonomi Republik Korea dijangka meningkat sebanyak 4.3% didorong oleh eksport dan pelaburan awam yang kukuh. Pada masa yang sama, KDNK Jepun dianggar meningkat 2.4% mencerminkan pemulihan aktiviti ekonomi domestik di samping permintaan luar yang teguh.

Pertumbuhan ekonomi dalam EMDE dijangka pulih sebanyak 6.4% disokong oleh kenaikan harga komoditi dan peningkatan permintaan

**RAJAH 2.1.** *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar, Perdagangan dan Inflasi Global 2020 – 2022 (% perubahan)*



<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Negara Maju serta Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (Oktober 2021)

luar. China dijangka menerajui pemulihan di rantau ini dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 8% pada 2021 disokong oleh penggunaan swasta dan eksport yang lebih tinggi. Ekonomi India dianggar melonjak sebanyak 9.5% berikutan permintaan pengguna yang teguh. Pertumbuhan KDNK ASEAN-5 dijangka meningkat semula sebanyak 2.9% disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh, pelaburan yang lebih tinggi dan persekitaran perdagangan yang menggalakkan. Ekonomi Indonesia diunjur pulih sebanyak 3.2% didorong oleh industri berorientasikan eksport dan berintensifkan buruh seperti automotif, pembinaan dan perlombongan.

**Perdagangan dunia** diunjur meningkat sebanyak 9.7% pada 2021 dipacu oleh peningkatan volum barang dagangan yang telah kembali kepada tahap prapandemik. Perdagangan di negara maju dijangka melonjak sebanyak 8.5% pada 2021. Rangsangan fiskal akan meningkatkan

pendapatan isi rumah dan perbelanjaan untuk barangan termasuk barangan import. Perdagangan dalam EMDE diunjur meningkat dengan ketara sebanyak 11.8% pada 2021 dipengaruhi pembekalan berterusan barangan pengguna dan perubahan dalam kuantiti yang besar oleh Asia ke pasaran global. Peningkatan aplikasi digital merupakan kesan positif pandemik ke atas rantau ini. Transformasi digital yang pesat telah membuka peluang yang lebih luas kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan dengan mewujudkan permintaan bagi pembekal digital dan perkhidmatan penghantaran. Transformasi tersebut merangkumi pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan FinTech, e-dagang dan rantaian bekalan terutamanya di Asia Tenggara.

**Inflasi global** dijangka meningkat sedikit kepada 4.3% pada 2021 disebabkan oleh ketakpadanan penawaran-permintaan yang sementara serta peningkatan harga komoditi

## RENCANA 2.1

### *ASEAN Catalytic Green Finance Facility*

#### Perspektif Keseluruhan

Infrastruktur amat penting sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan. Sejak kebelakangan ini, gesaan ke arah pembangunan mampan telah meningkatkan permintaan untuk projek infrastruktur hijau. Bank Pembangunan Asia (ADB) menganggarkan Asia Tenggara memerlukan USD184 bilion setahun dari 2016 hingga 2030 untuk menyokong pelaburan projek infrastruktur. Jumlah ini akan meningkat kepada USD210 bilion setahun bagi membangunkan infrastruktur baharu dengan komponen mesra iklim. Belanjawan awam masih menjadi sumber pembiayaan utama bagi projek infrastruktur di Asia Tenggara terutamanya bagi sektor pengangkutan serta bekalan air dan sanitasi. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan pelaburan swasta yang lebih besar dalam projek infrastruktur berikutan jurang pelaburan yang semakin luas dan belanjawan awam yang terhad.

Pada awalnya, Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) ditubuhkan pada 2011 oleh negara anggota Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan ADB untuk mengurangkan jurang pembangunan yang besar antara negara maju dengan ASEAN. Bermodalkan ekuiti daripada pemegang saham,<sup>1</sup> AIF memulakan operasi pemberian pinjaman pada 2013 dengan menawarkan pembiayaan projek infrastruktur kepada negara anggota. Sebagai usaha memanfaatkan sumber ekuiti AIF yang terhad demi merapatkan jurang daya maju projek infrastruktur hijau dan menarik modal swasta ke dalam projek tersebut, AIF telah melaksanakan *Green and Inclusive Infrastructure Window* (GIIW) secara rintis selama tiga tahun dari 2019 hingga 2021. Projek rintis ini bertujuan mewujudkan cadangan nilai tambah ke atas pengoperasian dan hala tuju AIF. Kemudahan GIIW terdiri daripada ASEAN *Catalytic Green Finance Facility* (ACGF) untuk pembiayaan hijau yang ditawarkan kepada semua Negara Anggota ASEAN (AMS) dan *Inclusive Finance Facility* untuk pinjaman konsesi hijau yang ditawarkan khusus kepada Cambodia, Lao PDR dan Myanmar.

<sup>1</sup> Pemegang saham AIF terdiri daripada Brunei Darussalam, Cambodia, Filipina, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Viet Nam dan Bank Pembangunan Asia (ADB).

### Keberhasilan Projek Rintis *Green and Inclusive Infrastructure Window*

Pelaksanaan projek rintis GIIW terbukti menyumbang kepada keberhasilan dalam menyokong hala tuju pengoperasian AIF. Berdasarkan tiga projek yang diluluskan iaitu projek *Greenways Epifanio de los Santos Avenue (EDSA)* oleh Filipina, *Sustainable and Inclusive Energy Program – Subprogram 3* (Indonesia) dan *Myanmar Railway Modernization Project* (Myanmar) yang melibatkan jumlah keseluruhan kos projek melebihi USD1.4 bilion, sekitar USD40 juta akan dibiayai oleh AIF manakala USD823 juta pembiayaan diperolehi daripada ADB. Tiga projek ACGF yang telah diluluskan tersebut juga dijangka akan mengurangkan 73,000 tan pelepasan karbon dioksida setahun. Pencapaian memberangsangkan turut direkodkan dalam pengurangan risiko apabila dana berjumlah USD278 juta daripada pihak swasta, komersial dan institusi telah dikenal pasti untuk projek ACGF. Terdapat 10 cadangan projek infrastruktur hijau telah dikenalpasti dan distruktur dengan sokongan daripada ACGF berbanding lima projek yang disasarkan manakala 12 projek infrastruktur hijau sedang dirancang untuk dilaksanakan melebihi lima projek yang disasarkan. Di samping itu, empat perbincangan meja bulat yang melibatkan pelabur dan institusi antarabangsa telah berjaya diadakan di bawah program peningkatan keupayaan dan pengetahuan.

Berikutan kejayaan dalam tempoh rintis tersebut, GIIW telah diurus perdana sebagai kemudahan pembiayaan tetap dikenali sebagai ACGF yang menerajui inisiatif pembiayaan hijau serantau. Kemudahan ACGF menawarkan pembiayaan biasa bagi projek hijau kepada semua negara ASEAN dan pembiayaan hijau secara konsesi yang terhad kepada Cambodia, Lao PDR dan Myanmar. Inisiatif ini membantu mempercepat kemajuan ke arah mencapai matlamat perubahan iklim dan kelestarian alam sekitar di negara Asia Tenggara melalui perancangan projek infrastruktur hijau dan penggembengan modal swasta untuk projek tersebut. Kemudahan ACGF menyediakan pinjaman dan geran bantuan teknikal daripada ekuiti AIF, ADB dan pembiaya bersama rakan pembangunan termasuk KfW Development Bank (Jerman) serta Agence Française de Développement (Perancis) untuk membiayai projek infrastruktur hijau di rantau ASEAN.

### Pendekatan Reka Bentuk ASEAN *Catalytic Green Finance Facility*

Reka bentuk ACGF berdasarkan konsep “*green finance catalysing facility*” dengan pendekatan seperti dalam Rajah 2.1.1.

**RAJAH 2.1.1.** Pendekatan Reka Bentuk ASEAN *Catalytic Green Finance Facility*

#### Pemangkin

ACGF akan membantu mendapatkan pembiayaan swasta dalam jangka masa panjang bagi mengurangkan risiko kepada dana serta menjadikan projek lebih menguntungkan.

Selain memastikan pembangunan projek berimpak tinggi, ACGF akan membantu mewujudkan perancangan projek infrastruktur hijau yang kukuh di negara anggota ASEAN melalui kerjasama dengan kerajaan dan rakan pembangunan bagi mewujudkan peluang projek, menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal untuk menstruktur projek serta mendapatkan dana pembangunan dan sumber swasta untuk projek tersebut.

#### Hijau

ACGF akan menyokong projek infrastruktur hijau seperti projek tenaga, pengangkutan, air, perbandaran dan pelbagai sektor yang menyumbang secara aktif kepada matlamat kelestarian alam sekitar dan iklim.

Contoh infrastruktur hijau termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, sistem pengangkutan lestari, bekalan air dan sanitasi.

#### Memanfaatkan Kemudahan

ACGF akan menggunakan baki ekuiti AIF dengan sokongan ADB dan rakan pembangunan lain.

Sebagai penyedia kemudahan pinjaman, ACGF akan membantu kerajaan di rantau ini dalam menggunakan dana awam dan dana konsesi dengan lebih baik agar setiap unit wang daripada dana tersebut dapat menggerakkan dana komersial kepada projek yang pada masa ini tidak berupaya mendapat sumber pembiayaan swasta.

Sumber: Asian Development Bank

### **Kemajuan ASEAN *Catalytic Green Finance Facility***

Projek EDSA *Greenways* oleh Filipina ialah projek pertama yang diluluskan di bawah ACGF yang mensasarkan penyediaan lintasan pejalan kaki yang selamat dan cekap dengan pembinaan laluan bertingkat, jejantas dan jalan sambungan yang berkualiti tinggi di tapak baharu sepanjang lima kilometer. Di samping itu, laluan hijau ini merangkumi pembinaan lif dan tanjakan untuk kemudahan orang kelainan upaya dan warga emas dalam jarak 800 meter dari kemudahan pengangkutan awam di sepanjang EDSA iaitu jalan utama di Manila. Projek ini menggalakkan peningkatan penggunaan pengangkutan awam, penambahbaikan aspek keselamatan jalan raya dan peningkatan kualiti udara dengan mengurangkan sekitar 886 tan pelepasan karbon dioksida setahun. Sehingga kini, sekurang-kurangnya lapan lagi projek hijau telah dikenal pasti untuk kelulusan di bawah ACGF.

### **Isu dan Cabaran**

Sejumlah besar pelaburan swasta bagi infrastruktur hijau di Asia Tenggara terhalang akibat kekurangan projek komersial yang mampu memberi keuntungan dengan profil risiko-pulangan yang menarik. Tambahan pula, projek infrastruktur hijau pada umumnya dianggap berisiko tinggi disebabkan oleh penggunaan teknologi yang lebih maju mungkin mengakibatkan kos modal dan perbelanjaan operasi lebih besar. Secara umumnya, aliran pendapatan terutamanya bagi projek kemudahan awam bergantung kepada dasar awam dan peraturan yang seterusnya meningkatkan lagi profil risiko projek hijau.

Sehubungan itu, pewujudan pelaburan hijau yang menguntungkan dengan profil risiko-pulangan yang dapat menarik minat para pelabur memerlukan penggunaan pembiayaan awam yang strategik untuk menangani aspek risiko bagi projek hijau. Selain itu, projek perlu distruktur dengan baik sebagai projek hijau dengan mendapatkan khidmat nasihat perunding supaya layak mendapat pembiayaan hijau. Walau bagaimanapun, penstrukturan projek sebagai projek hijau akan lebih mencabar jika penasihat projek generik hanya menumpu kepada penyediaan teknikal projek dan tidak menggalakkan perubahan ke arah penggunaan alternatif hijau. Oleh itu, ACGF menangani cabaran ini dengan menyediakan sokongan teknikal untuk penstrukturan pembiayaan bagi mewujudkan projek hijau yang menguntungkan dan penggunaan dana konsesi yang inovatif dalam mengurangkan risiko projek. Kemudahan ACGF juga menyokong pembangunan perancangan projek serta membina keupayaan dalam pendekatan pembiayaan hijau dan inovatif.

### **Kesimpulan**

Dalam mencapai matlamat pembangunan mampan dan perubahan iklim di rantau ASEAN, AMS boleh membangunkan projek infrastruktur yang direka, dibina dan dikendalikan mengikut prinsip pembangunan hijau yang mampan dan inklusif. Di samping itu, AMS boleh mengenal pasti dan menggunakan kemudahan pinjaman ACGF bagi melaksanakan projek hijau dengan bantuan rakan pembangunan hijau untuk beralih kepada pembangunan infrastruktur rendah karbon dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Sehubungan itu, ACGF menyediakan sokongan yang diperlukan oleh AMS untuk merapatkan jurang daya maju projek infrastruktur hijau di rantau ASEAN dan memberi sumbangan positif kepada agenda perubahan iklim global.

berbanding 2020. Kadar inflasi di negara maju dianggap mencatat 2.8% pada 2021 berikutan kenaikan harga minyak, logam dan makanan. Inflasi dalam EMDE diunjur meningkat sebanyak 5.5% pada 2021 disebabkan oleh kenaikan harga tenaga dan komoditi global yang akan menyebabkan peningkatan harga pengguna.

## Ekonomi Domestik

### Sektoral

#### Sektor Perkhidmatan

##### *Terus menyokong pertumbuhan*

Sektor **perkhidmatan** merupakan sektor yang paling teruk terjejas pada 2020 ketika pandemik COVID-19 melanda Malaysia dengan penguncupan sebanyak 5.5%. Industri pelancongan paling teruk terkesan dengan Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan<sup>1</sup> menguncup sebanyak 17.1% berikutan kemerosotan ketibaan pelancong melebihi 80% disebabkan oleh larangan perjalanan antarabangsa dan sekatan pergerakan

**JADUAL 2.1.** *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2020 – 2022 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
		2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>
Perkhidmatan	57.2	-5.5	2.6	7.0
Pembuatan	23.9	-2.6	8.1	4.7
Pertanian	7.1	-2.2	-0.8	3.9
Perlombongan	6.7	-10.6	1.5	-0.3
Pembinaan	3.8	-19.4	-0.8	11.5
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>-5.6</b>	<b>3.0 – 4.0</b>	<b>5.5 – 6.5</b>

<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

domestik yang ketat. Di samping itu, guna tenaga industri pelancongan menguncup sebanyak 2.9% kepada 3.5 juta orang. Kemerosotan ketara industri ini terus menjejaskan prestasi sektor perkhidmatan pada 2021 memandangkan industri pelancongan menyumbang 24.4% kepada sektor perkhidmatan pada 2020. Industri pelancongan dijangka menguncup sebanyak 19.5% pada 2021 berikutan pandemik yang kian merebak dan pelaksanaan sekatan pergerakan.

Berikutan peningkatan jumlah kes baharu COVID-19 menjelang akhir 2020, Kerajaan telah melaksanakan semula PKP mulai Januari 2021 namun dengan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) lebih longgar berbanding PKP 1.0. Oleh itu, sektor perkhidmatan meningkat 4.8% pada separuh pertama 2021 terutamanya disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; kewangan dan insurans; dan maklumat dan komunikasi. Peningkatan prestasi ini disumbangkan oleh pembukaan semula lebih banyak subsektor perkhidmatan dan pelonggaran PKP terutamanya kepada perniagaan yang menyediakan barang perlu. Prestasi ini turut disokong oleh peningkatan transaksi dan pembayaran dalam talian. Walaupun terdapat permintaan berterusan untuk pembelian makanan dalam talian, subsektor makanan & minuman dan penginapan merosot dengan ketara berikutan sekatan pergerakan yang menjejaskan aktiviti berkaitan pelancongan. Sektor perkhidmatan dianggarkan berkembang sebanyak 0.7% pada separuh kedua tahun ini disokong oleh pembukaan ekonomi secara beransur-ansur. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur meningkat sebanyak 2.6% pada 2021 dengan sebahagian besar subsektor mencatat pertumbuhan positif.

Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 9.9% pada separuh pertama 2021 disokong oleh prestasi yang memberangsangkan dalam semua segmen.

<sup>1</sup> Jumlah nilai ditambah kasar semua pertumbuhan dalam industri pelancongan, tanpa mengira sama ada output mereka disediakan kepada pelawat dan tahap pengkhususan proses pengeluaran. Pelawat merujuk kepada *traveller* yang melakukan aktiviti perjalanan ke destinasi utama di luar dari persekitaran biasa dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan, selain daripada diambil bekerja oleh entiti residen negara tersebut atau tempat yang dilawati.



**JADUAL 2.2.** Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2020 – 2022 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2021 <sup>1</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
Perdagangan borong dan runcit	29.2	-6.1	1.8	8.7
Kewangan dan insurans	13.1	2.7	8.9	5.5
Maklumat dan komunikasi	11.9	6.0	5.8	5.7
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	6.9	-15.2	-5.1	8.6
Pengangkutan dan penyimpanan	5.4	-21.9	2.3	9.5
Makanan & minuman dan penginapan	4.2	-26.5	-7.7	7.3
Utiliti	5.0	-1.3	5.1	6.7
Perkhidmatan lain	7.9	-10.5	-1.3	6.1
Perkhidmatan kerajaan	16.4	4.5	5.1	5.3
<b>Perkhidmatan</b>	<b>100.0</b>	<b>-5.5</b>	<b>2.6</b>	<b>7.0</b>

<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


Prestasi segmen perdagangan borong dan perdagangan runcit yang kukuh terutamanya disumbangkan oleh perniagaan yang menjual barang perlu semasa tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan. Di samping itu, segmen kenderaan bermotor turut menyumbang kepada prestasi separuh pertama dengan pertumbuhan dua digit berikutan pengecualian cukai jualan untuk kereta penumpang sehingga akhir tahun. Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka merosot sebanyak 5.1% pada separuh kedua disebabkan oleh penurunan dalam semua segmen berikutan pelanjutan sekatan pergerakan semasa PPN Fasa 1 terutamanya di negeri yang memberikan sumbangan yang tinggi kepada subsektor ini. Penguncupan subsektor ini terutamanya disebabkan oleh segmen kenderaan bermotor kerana kesan asas yang tinggi. Persatuan Automotif Malaysia (2021) menjangkakan penurunan yang ketara dalam penjualan kenderaan kepada 250,871 pada separuh

kedua 2021 berbanding 355,889 pada tempoh yang sama 2020. Mengambil kira prestasi yang kurang menggalakkan pada separuh kedua, pertumbuhan subsektor ini dijangka menyederhana pada 1.8% pada 2021.

Subsektor kewangan dan insurans dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.9% pada 2021 didorong oleh peningkatan dalam segmen kewangan dan insurans. Pada separuh pertama, subsektor ini melonjak dengan ketara sebanyak 16.9% disokong oleh segmen kewangan berikutan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi terutamanya kepada isi rumah susulan kadar faedah yang lebih rendah serta pengecualian cukai di bawah pelbagai pakej rangsangan ekonomi. Segmen insurans juga meningkat berikutan pendapatan premium insurans hayat yang lebih tinggi dan tuntutan yang lebih rendah. Subsektor ini terus menyokong aktiviti ekonomi terutamanya pada suku keempat dan dijangka berkembang sebanyak 1.6% pada separuh kedua.

Subsektor maklumat dan komunikasi meningkat sebanyak 6.1% pada separuh pertama 2021 didorong oleh peningkatan penggunaan digital dalam kalangan individu dan perniagaan terutamanya melalui aktiviti transaksi dalam talian, hiburan, pendidikan dan bekerja dari rumah (BDR). Subsektor ini diunjur meningkat sebanyak 5.5% pada separuh kedua tahun ini disokong oleh pelanjutan pelepasan cukai khas sehingga RM2,500 ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet. Pemberian subsidi kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) untuk membeli pelan internet jalur lebar dan telefon pintar daripada penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mengambil bahagian di bawah inisiatif Jaringan Prihatin juga dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini. Sehingga 7 Oktober, 4.1 juta individu telah melanggan pelan internet jalur lebar dan 1.6 juta peranti telah dibeli di bawah inisiatif ini dengan nilai sebanyak RM525.8 juta. Sehubungan itu, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 5.8% pada 2021.

RAJAH 2.2. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



<sup>1</sup> Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka merosot sebanyak 5.1% pada 2021. Kemosrotan prestasi tahunan ini disebabkan oleh penguncupan sebanyak 10.5% pada separuh pertama berikutan pajakan dan penyewaan harta tanah yang lebih perlahan dan permintaan untuk perkhidmatan profesional yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, subsektor ini dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.6% pada separuh kedua berikutan pembukaan semula sektor ekonomi dan penggunaan pemasaran digital yang agresif oleh syarikat harta tanah. Pertumbuhan ini juga diunjur lebih baik disumbangkan oleh pelanjutan pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) serta pengecualian duti setem dan potongan harga di bawah Kempen Pemilikan Rumah (HOC).

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang sebanyak 3.4% pada separuh pertama 2021 terutamanya didorong oleh peningkatan yang ketara dalam semua

segmen khususnya perkhidmatan sokongan lain berikutan lonjakan pembelian dalam talian. Pertumbuhan ini juga disokong oleh permintaan luar yang kukuh dengan peningkatan jumlah perdagangan sebanyak 26% kepada RM1,056.1 bilion pada separuh pertama 2021 berbanding RM838.2 bilion pada tempoh yang sama 2020. Subsektor ini dijangka terus berkembang sebanyak 1.4% pada separuh kedua berikutan volum perdagangan yang tinggi selari dengan pergerakan kargo kontena yang semakin meningkat di seluruh dunia. Pada 2021, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 2.3% dengan lebih banyak negeri beralih ke fasa PPN berikutnya dan lebih banyak sektor ekonomi dibenarkan untuk beroperasi semula.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan diunjurkan merosot sebanyak 7.7% pada 2021 disebabkan oleh penyusutan dalam semua segmen. Subsektor ini menguncup dengan ketara sebanyak 15.3% pada separuh pertama 2021 kesan daripada sekatan aktiviti

## RENCANA 2.2

### Ekonomi Digital: Transformasi ke arah Negara Berdaya Tahan

#### Pengenalan


Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah berjaya mengharungi beberapa krisis ekonomi utama seperti Krisis Komoditi 1985 – 1986, Krisis Kewangan Asia 1997 – 1998 dan Krisis Kewangan Global 2008 – 2009. Terkini, penularan wabak COVID-19 yang menjadi pandemik global turut mencetuskan krisis ekonomi. Impak pandemik ini sangat besar dan mengakibatkan penurunan permintaan dan penawaran di seluruh dunia terutamanya disebabkan oleh gangguan dalam bekalan, pengeluaran dan rantaian perdagangan serta aktiviti perjalanan bagi tujuan perniagaan dan pelancongan yang terhad. Kebanyakan negara berhadapan dengan satu persatu kejatuhan pada keseluruhan sistem pengeluaran, kewangan dan pengangkutan berikutan daripada kombinasi kejutan terburuk dalam penawaran dan permintaan (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2020).

Kawalan pergerakan bagi mengekang penularan virus telah menyebabkan orang ramai terus kekal di rumah dan ini mendorong peningkatan penggunaan teknologi digital dalam pengurusan kehidupan seharian. Rencana ini memberi tumpuan kepada tahap ketersediaan digital ekonomi dan keperluan negara untuk melaksanakan transformasi ke arah ekonomi digital. Di samping itu, rencana ini mengetengahkan cabaran yang berkaitan dan komitmen Kerajaan dalam mempromosi pendigitalan serta mencadangkan langkah bagi mempercepat penggunaan digital dalam ekonomi.

### Kesan COVID-19 terhadap Ekonomi Malaysia

Malaysia juga tidak terlepas daripada kesan buruk pandemik COVID-19. Ekonomi negara menerima kesan menyeluruh pada 2020 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menyusut sebanyak 17.2% pada suku kedua 2020 (Rajah 2.2.1.). Penyusutan ini terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan serta meratakan lengkungan COVID-19.


**RAJAH 2.2.1.** Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Tahunan, 2019 – 2021 (% perubahan)



Nota: PKP : Perintah Kawalan Pergerakan  
 PKPB : Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat  
 PKPP : Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan  
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penyusutan berlaku dalam semua sektor utama ekonomi khususnya sektor perlombongan dan pembinaan yang mengalami kemerosotan pertumbuhan sebanyak dua digit (Rajah 2.2.2.). Langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan memberi impak yang besar kepada sektor perkhidmatan terutamanya subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan serta pengangkutan dan penyimpanan.

**RAJAH 2.2.2.** Impak Pandemik COVID-19 kepada Sektor Utama dan Subsektor Perkhidmatan Terpilih, 2019 – 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Norma baharu aktiviti isi rumah dan perniagaan berikutan PKP memerlukan pekerjaan dilaksanakan secara jarak jauh melalui penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan dan persidangan video, langganan hiburan melalui perkhidmatan dalam talian serta pembelian makanan, barangan runcit, barangan kegunaan dan perkhidmatan melalui platform digital. Pandemik COVID-19 juga meningkatkan kesegeraan untuk mengguna pakai serta mentransformasi keseluruhan struktur industri dan model perniagaan, dengan anggaran 70% nilai baharu akan diwujudkan melalui model perniagaan platform digital (Forum Ekonomi Dunia, 2020). Justeru, subsektor dengan kadar digitalisasi yang tinggi terutamanya subsektor maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans dapat mendepani krisis ini dengan lebih baik (Jadual 2.2.1.).

**JADUAL 2.2.1.** *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, 2020 dan Kadar Penggunaan Teknologi Digital mengikut Sektor, 2019*

SEKTOR / SUBSEKTOR PERKHIDMATAN	2020	2019				
	PERTUMBUHAN KDNK (%)	LAMAN WEB (%)	MEDIA SOSIAL (%)	INTERNET MUDAH ALIH DAN TEKNOLOGI (%)	PENGGOMPUTERAN AWAN (%)	PERISIAN PENGURUSAN (%)
<b>Kadar Kebangsaan</b>	<b>-5.6</b>	<b>48.5</b>	<b>60.0</b>	<b>63.8</b>	<b>46.8</b>	<b>41.9</b>
Pembuatan	-2.6	53.1	73.0	62.7	46.3	48.4
Pertanian	-2.2	51.8	56.7	54.7	56.8	39.5
Perlombongan	-10.6	19.2	46.1	24.6	60.8	40.5
Pembinaan	-19.4	34.9	47.5	55.9	48.8	29.1
Perkhidmatan	-5.5	49.4	60.4	64.9	46.4	42.7
Perdagangan borong dan runcit	-6.1	50.4	64.0	65.3	47.1	47.1
Pengangkutan dan penyimpanan	-21.9	55.8	44.2	76.1	54.2	42.5
Makanan dan minuman	-20.6	37.4	72.9	61.7	23.0	20.4
Penginapan	-50.3	42.5	66.7	51.8	43.0	56.6
Maklumat dan komunikasi	6.0	86.9	85.6	82.6	65.0	76.8
Kewangan dan insurans	2.7	52.4	38.1	68.4	44.2	41.6

Nota: Angka tidak semestinya berjumlah 100% disebabkan pelbagai pilihan jawapan oleh responden  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Ekonomi Digital


Ekonomi digital merangkumi semua aktiviti ekonomi yang bergantung kepada atau ditingkatkan secara signifikan oleh input digital iaitu teknologi, infrastruktur, perkhidmatan dan data. Aktiviti ini merujuk kepada penggunaan digital oleh pengeluar dan pengguna termasuk kerajaan dalam kegiatan ekonomi (OECD, 2020). Malaysia berada di landasan yang tepat bagi merealisasikan aspirasi untuk mengintegrasikan elemen digital dalam ekonomi negara, mengambil kira sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebanyak 22.6% kepada KDNK pada 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Usaha ini sejajar dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang mengguna pakai teknologi digital secara meluas (Unit Perancang Ekonomi, 2021). Ekonomi digital dipacu oleh sektor e-dagang yang kukuh meliputi peruncitan dalam talian, penggunaan peranti berkaitan internet serta pelaburan teknologi maklumat dan telekomunikasi oleh sektor awam dan swasta.

Kemajuan dalam aplikasi teknologi digital seperti e-dagang dan pembelajaran dalam talian telah mewujudkan peluang baharu dengan merapatkan jurang antara pengguna dengan peniaga serta pelajar dengan pendidik. Perkembangan ini juga dapat menjadikan transaksi ekonomi lebih cepat dan cekap kos. Peningkatan penawaran perkhidmatan platform e-dagang dan penyelesaian pembayaran digital semasa pandemik ini telah membolehkan banyak perniagaan mampu bertahan malah beralih kepada operasi melalui platform dalam talian untuk terus berkembang.

Dari sudut permintaan, pendigitalan akan meningkatkan penggunaan dengan bantuan platform dalam talian. Dari sudut penawaran, pendigitalan akan mengubah cara syarikat beroperasi terutamanya membolehkan kerja secara jarak jauh, meningkatkan penyimpanan data dan menambah baik perkongsian maklumat. Enabling Digitalisation Index (EDI)<sup>1</sup> 2020 menunjukkan bahawa peningkatan satu mata dalam skor EDI bagi sesebuah negara akan meningkatkan 0.25 mata peratusan pertumbuhan KDNK pada suku ketiga 2020 berbanding tempoh yang sama pada 2019 dan mencerminkan peranan penting pendigitalan dalam menangani impak kejutan semasa krisis.

Satu kaji selidik yang dijalankan ke atas sejumlah eksekutif peringkat tertinggi di 1,181 syarikat di AS, Itali, Jerman, Perancis dan UK dalam enam sektor (teknologi maklumat, teknologi dan telekomunikasi, mesin dan peralatan, bahan kimia, tenaga dan utiliti serta automotif dan agromakanan) menunjukkan bahawa pendigitalan mempunyai hubung kait dengan daya tahan (Euler Hermes, 2020). Kajian tersebut menunjukkan bahawa syarikat yang mempunyai tahap pendigitalan yang tinggi (melaporkan enam sehingga lapan aktiviti pendigitalan yang berbeza)<sup>2</sup> bertindak secara lebih proaktif untuk mengurangkan kesan gangguan rantaian bekalan berbanding syarikat yang mempunyai tahap pendigitalan yang rendah (melaporkan sifar sehingga dua aktiviti pendigitalan). Keadaan ini disebabkan syarikat yang mempunyai tahap pendigitalan yang tinggi mampu bertindak lebih cepat dan proaktif semasa krisis melanda. Sebanyak 57% syarikat yang mempunyai tahap pendigitalan yang tinggi mendapatkan perlindungan nilai yang berpotensi termasuk insurans dan simpanan, 47% syarikat meningkatkan kefahaman dalam rantaian bekalan dan 39% syarikat meningkatkan kaedah penilaian terhadap pembekal (Rajah 2.2.3.).

**RAJAH 2.2.3. Mekanisme Kendalian Krisis mengikut Tahap Pendigitalan**



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah 100% disebabkan pelbagai pilihan jawapan oleh responden  
 Sumber: Global Supply Chain Survey, 2020

<sup>1</sup> Enabling Digitalisation Index (EDI) mengukur kemampuan dan tindak balas pantas negara untuk membantu syarikat digital berkembang dan perniagaan tradisional memanfaatkan pendigitalan. Indeks ini mengukur skor 115 negara berdasarkan lima komponen iaitu peraturan, pengetahuan, ketersambungan, infrastruktur dan saiz pasaran.

<sup>2</sup> Aktiviti tersebut adalah penggunaan perisian untuk memantau pengeluaran atau aktiviti lain, penggunaan perisian untuk memudahkan kolaborasi kerja, penggunaan pengkomputeran awan, kecerdasan buatan, penggunaan data raya dan media sosial untuk menggaji pekerja, e-dagang dan invois elektronik.


## Peningkatan Penggunaan Perkhidmatan Digital di Malaysia

Internet menyediakan kebolehcapaian berterusan kepada pengguna bagi kolaborasi kerja, pendidikan, hiburan serta peralatan lain seperti platform pesanan dan penghantaran barang runcit dan makanan. Peningkatan dalam penggunaan perkhidmatan digital adalah seperti berikut:

### *Penggunaan Perkhidmatan e-Pembayaran*

Peralihan pantas kepada kaedah pembayaran tanpa sentuhan dan dalam talian oleh pengguna telah menyebabkan perkhidmatan e-pembayaran diguna pakai secara meluas disokong oleh peningkatan pendigitalan. Bank Negara Malaysia (2021) melaporkan jumlah transaksi e-dompet meningkat sebanyak 131% pada 2020 (Rajah 2.2.4.). Pembayaran secara e-dompet lebih mudah dan selamat serta mengurangkan transaksi secara fizikal. Kaedah ini membolehkan transaksi kewangan tanpa sentuhan, cepat, selamat dan kos efektif antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pengguna, pembekal dan Kerajaan.

**RAJAH 2.2.4.** Peningkatan Penggunaan Perkhidmatan e-Pembayaran di Malaysia, 2020




Sumber: Bank Negara Malaysia

### *Peningkatan Perniagaan Dalam Talian*

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kepentingan aktiviti perniagaan melalui platform dalam talian kerana aktiviti tersebut telah menjadi norma baharu. Aktiviti penjualan runcit dalam talian terus berkembang di Malaysia didorong oleh penutupan kedai fizikal berikutan PKP dan amalan penjarakan sosial yang membataskan pergerakan pengguna. Jumlah jualan runcit dalam talian mencatat pertumbuhan positif pada April 2020 berbanding dengan jumlah jualan runcit yang berkurangan (Rajah 2.2.5.).

**RAJAH 2.2.5. Pertumbuhan Jumlah Jualan Runcit dan Dalam Talian, 2020**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Perkhidmatan Platform Digital dan Pekerja Gig

Peningkatan penggunaan perkhidmatan platform digital telah mendorong lebih ramai generasi milenium menjadi pekerja gig dan pekerja bebas. Berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang lebih ketat, permintaan untuk perkhidmatan digital seperti pembayaran mudah alih, perkhidmatan profesional dan penghantaran makanan telah meningkat. Menurut Laporan e-Conomy SEA 2020, perkhidmatan penghantaran makanan di Malaysia meningkat sebanyak 44% pada 2020 berikutan peralihan mendadak permintaan pengguna bagi perkhidmatan penghantaran makanan kerana lebih mudah dan selamat. Di samping itu, ekonomi gig telah menyediakan akses mudah untuk golongan orang kelainan upaya dan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) bagi menjana pendapatan.

### Perkhidmatan Kerajaan Dalam Talian

Pendigitalan perkhidmatan Kerajaan membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas dan mengurangkan kehadiran secara fizikal di kaunter agensi kerajaan. Langkah kawalan pergerakan juga telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kerajaan dalam talian seperti perkhidmatan e-Perolehan oleh Perbendaharaan Malaysia, e-Filing oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan e-Pembayaran oleh pelbagai agensi. Langkah ini membolehkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada individu dan perniagaan tidak terjejas.

### Cabaran Transformasi Pendigitalan di Malaysia

Kekurangan infrastruktur internet terutama di kawasan pedalaman melahirkan golongan tidak celik digital. Penglibatan masyarakat dalam ekonomi digital pula akan menjadi terhad dan semakin ketinggalan tanpa capaian internet. Di samping itu, capaian internet yang tidak mampu milik terutamanya oleh golongan mudah terjejas seperti B40 dan pekerja yang diberhentikan turut menghalang penglibatan masyarakat dalam ekonomi digital. Walaupun pendigitalan boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang inovatif dan produktif, namun peralihan ini juga boleh menyebabkan pengangguran dan penggantian pekerjaan terutamanya dalam kalangan pekerja berkemahiran rendah.



Isu risiko modal telah melambatkan tahap pendigitalan memandangkan kebanyakan PKS bergelut untuk mengekalkan operasi perniagaan berikutan kemerosotan pendapatan. Kaji selidik oleh Persatuan PKS Malaysia mendapati hanya 26% PKS tempatan memilih untuk beralih ke pendigitalan atau platform e-dagang sebagai strategi untuk kekal bertahan pasca pandemik COVID-19. Pandemik ini juga telah menunjukkan pentingnya kemahiran digital dan kaedah literasi digital baharu bagi semua kumpulan termasuk pekerja sektor awam ditingkatkan. Penggunaan teknologi digital secara meluas dalam ekonomi dan masyarakat turut meningkatkan ancaman jenayah siber. Sehubungan itu, perlindungan ruang siber daripada ancaman jenayah ini penting bagi mengelakkan gangguan operasi perniagaan dan perkhidmatan perlu seperti perkhidmatan kewangan, utiliti dan kesihatan.

### Melangkah ke Hadapan

#### *Pelan Transformasi Kerajaan*

Inisiatif MyDIGITAL menggariskan rancangan untuk mempercepat pencapaian Malaysia sebagai negara ekonomi maju dari segi teknologi, melalui Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Inisiatif ini menggunakan pendekatan seluruh negara untuk memperhebatkan usaha untuk mendorong transformasi digital di seluruh negara dan memperkukuhkan kedudukan kompetitifnya di rantau ini. Langkah yang diambil termasuk mempercepat pelaksanaan pemboleh daya ekosistem, pendigitalan industri sedia ada dan pembangunan industri digital baharu sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Usaha ini akan memastikan kelancaran peralihan Malaysia ke arah 4IR seperti yang digariskan dalam Rajah 2.2.6.

**RAJAH 2.2.6.** *Mempercepatkan Transformasi Digital Malaysia*



Sumber: Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

### Komitmen Kerajaan dalam Mempromosikan Transformasi Pendigitalan

#### *Meningkatkan Keupayaan Individu dan Literasi Digital*

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PENJANA) telah memperkenalkan beberapa program peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi membantu majikan, pekerja dan penyedia latihan mendapatkan pendedahan mengenai set kemahiran terkini seperti kecerdasan sosial dan etika, pengurusan pembelajaran serta analisis data. Pada masa yang sama, program lain seperti Go-eCommerce, MyDigitalMaker and Global Online Workforce (GLOW) telah meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam e-dagang dan dimanfaatkan oleh peserta untuk membuat keputusan berasaskan maklumat.

### *Meningkatkan Mekanisme Pembayaran Digital*

Penyedia pembayaran digital akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memberi tumpuan kepada masyarakat yang tidak celik teknologi dan kumpulan B40 yang masih bergantung pada transaksi tunai. Selain menyediakan kemudahan transaksi berautomasi, selamat dan boleh diaudit, mekanisme pembayaran secara digital yang telah ditambah baik mampu mempercepat transaksi jarak jauh dan tanpa sentuhan fizikal. Penyedia pembayaran digital juga menjadi pencetus kepada penubuhan bank digital. Oleh itu, perbankan alaf baharu ini akan memperkenalkan kaedah baharu penyampaian produk kewangan, memperkemas produk dan perkhidmatan perbankan serta memastikan perkhidmatan pembiayaan yang lebih mesra pelanggan.

### *Memperkuh Keselamatan Siber*

Perubahan ketara ke arah transaksi digital dan pembayaran dalam masa sebenar berikutan pandemik telah mengakibatkan peningkatan mendadak dalam ancaman dan jenayah siber. Justeru, Kerajaan perlu memperkuat kemampuan negara untuk bertindak balas terhadap ancaman dan jenayah siber dengan menambah baik tadbir urus keselamatan siber. Sehubungan itu, semua pelan tindakan di bawah Strategi Keselamatan Siber Malaysia, 2020 – 2024 telah diselaraskan sejajar dengan inisiatif MyDigital bagi memastikan ruang siber yang selamat, dipercayai dan berdaya tahan.

### **Cadangan Dasar**

Sebagai tambahan kepada komitmen berterusan Kerajaan untuk memacu transformasi pendigitalan di seluruh negara, langkah berikut disyorkan untuk dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan pendigitalan dalam ekonomi:

#### *Mendorong Integrasi melalui Ketersambungan Pendigitalan*

Ketersambungan pendigitalan menyediakan hubungan yang diperlukan antara semua peranti, sistem dan aplikasi akan mempercepat integrasi industri, produk, teknologi dan persaingan. Sehubungan itu, ketersambungan 5G, analitik data raya dan penyimpanan awan akan menjadi pemacu perubahan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih berkesan melalui akses internet berkualiti tinggi.

#### *Menggalakkan Penggunaan Platform dan Perkhidmatan Dalam Talian yang Inovatif*

Pelaksanaan sekatan pergerakan menyebabkan peniaga dan pengguna beralih ke platform dalam talian untuk urusan jual beli barangan dan perkhidmatan. Sehubungan itu, platform dan perkhidmatan dalam talian yang inovatif seperti *bricks and clicks*, *buy now, pay later* (BNPL),<sup>3</sup> bilik pameran digital dan kedai maya telah wujud untuk menyediakan pengalaman digital bersepadu tanpa had, memenuhi citarasa serta jaringan sosial. Oleh yang demikian, lebih banyak program *outreach* dan latihan akan dilaksana untuk menggalakkan usahawan atau pedagang menggunakan platform dan perkhidmatan dalam talian yang menyediakan kaedah pemasaran yang inovatif.

<sup>3</sup> BNPL merupakan kemudahan pembiayaan jangka pendek yang membolehkan pengguna membuat pembelian dan membayar kemudian atau secara ansuran. Sebahagian penyedia BNPL mengenakan faedah atau denda sekiranya pengguna lewat membuat pembayaran.

### *Menyokong Pemulihan Subsektor Berorientasikan Perkhidmatan Melalui Kaedah Digital*

Penggunaan penyelesaian digital dalam subsektor berorientasikan perkhidmatan terutamanya industri perhotelan dan pelancongan membolehkan penyediaan produk pelancongan yang pelbagai, memenuhi kehendak pengguna dan selamat. Peranti mudah alih dan teknologi bersemuka dengan pelanggan secara layan diri menyediakan akses jarak jauh kepada perkhidmatan penyambut tetamu, kakitangan khidmat pelanggan dan *concierge* untuk berinteraksi tanpa kontak fizikal. Penggunaan dokumen yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan disokong oleh penyelesaian digital boleh dipertimbangkan bagi membenarkan perjalanan rentas sempadan dan aktiviti pelancongan.

### *Mengkaji Dasar dan Peraturan untuk Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif dan Mesra Perniagaan*

Kajian semula dasar dan peraturan semasa perlu dilakukan secara telus bagi memastikan dasar dan peraturan yang mesra perniagaan. Dalam hal ini, rundingan secara aktif dengan semua pihak berkepentingan perlu dilaksanakan. Pendekatan ini juga boleh diguna pakai semasa menggubal peraturan baharu atau meminda peraturan sedia ada agar isu utama yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan diberi perhatian sewajarnya.

### **Kesimpulan**

Pandemik COVID-19 yang melanda telah memberi hikmah kepada negara untuk mempercepat transformasi ke arah pendigitalan. Penggunaan teknologi digital seperti e-dagang, pembelajaran dalam talian dan bekerja secara jarak jauh telah mewujudkan peluang baharu kepada perniagaan untuk terus maju serta membolehkan rakyat meningkatkan kesejahteraan. Walaupun proses pendigitalan berlaku dengan pantas, namun cabaran seperti ketersediaan digital dan ancaman keselamatan siber kekal wujud. Justeru, penyelarasan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, MyDIGITAL, Dasar 4IR Negara lain-lain inisiatif Kerajaan dapat memacu proses pendigitalan, penggunaan teknologi dan amalan keselamatan siber yang cekap. Melangkah ke hadapan, Malaysia perlu mempercepat pendigitalan ekonomi secara menyeluruh demi meningkatkan daya tahan dan keterangkuman dalam norma baharu.

pelancongan termasuk penutupan sempadan kepada semua pelancong antarabangsa kecuali pengunjung inbound dalam perkhidmatan perlu, pelabur, ahli perniagaan dan pasangan jarak jauh. Justeru, ketibaan pelancong merosot sebanyak 98.8% kepada 50,613 orang sementara terimaan pelancong menyusut 99.4% kepada RM80.2 bilion. Subsektor ini dijangka merekodkan kenaikan secara marginal sebanyak 0.6% pada separuh kedua tahun ini susulan pembukaan semula aktiviti berkaitan pelancongan domestik selari dengan kebenaran rentas negeri pada suku keempat. Jangkaan pertumbuhan ini juga berikutan

pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan (TRP) didahului dengan program Gelembung Pelancongan Langkawi mulai 16 September 2021 untuk pelancong domestik yang telah melengkapkan dos vaksinasi. Di samping itu, jangkakan peningkatan pembelian makanan dalam talian akan turut membantu menyokong pertumbuhan subsektor ini pada tempoh yang sama.

Subsektor utiliti mencatat peningkatan sebanyak 3.6% pada separuh pertama 2021 dan dijangka bertambah baik sebanyak 6.6% pada separuh kedua. Subsektor ini dijangka

berkembang sebanyak 5.1% pada 2021 berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi terutamanya oleh segmen perindustrian, perniagaan dan kediaman. Pertumbuhan ini sejajar dengan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara beransur-ansur yang membolehkan pekerja kembali bekerja. Di samping itu, inisiatif pemberian diskaun bil elektrik yang dilanjutkan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dapat membantu mengekalkan penggunaan elektrik. Penerima manfaat yang mendapat diskaun 10% termasuk pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan, kompleks membeli-belah, pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan. Pengguna domestik juga layak mendapat diskaun antara 5% – 40%.

Walaupun segmen kesihatan swasta mencatatkan pertumbuhan positif, namun subsektor perkhidmatan lain menguncup sebanyak 3.3% pada separuh pertama 2021 terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dalam segmen pendidikan swasta serta seni, hiburan dan rekreasi. Pendaftaran kemasukan di kolej dan universiti swasta yang lebih rendah serta sekatan aktiviti sukan dan rekreasi semasa tempoh PKP pada Mei dan Jun telah menyumbang kepada kemerosotan ini. Subsektor ini dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.6% pada separuh kedua 2021 disokong oleh peningkatan pelancong kesihatan secara beransur-ansur dan pembukaan semula aktiviti sukan dan rekreasi. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka menguncup sebanyak 1.3% pada 2021. Subsektor perkhidmatan kerajaan meningkat 5.5% pada separuh pertama 2021 dan dijangka berkembang sebanyak 4.8% pada separuh kedua. Subsektor ini dijangka berkembang pada kadar 5.1% pada 2021.

### Sektor Pembuatan

*Pengukuhan segmen utama bagi mempercepat pertumbuhan*

Sektor **pembuatan** kembali pulih dengan mencatat 15.8% pada separuh pertama 2021 disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor. Momentum pertumbuhan

dijangka berterusan pada separuh kedua dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.5% terutamanya dipacu oleh industri berorientasikan eksport. Subsektor utama yang akan menyumbang kepada pertumbuhan industri tersebut adalah produk elektrik, elektronik dan optik serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Pada 2021, sektor ini dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.1% disokong oleh industri berorientasikan eksport dan domestik. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E diunjur bertambah baik berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap item semikonduktor sejajar dengan peningkatan jualan bagi pelbagai produk cip. Di samping itu, segmen getah dan tekstil diunjur berkembang berikutan permintaan tinggi bagi sarung tangan getah dan peralatan perlindungan diri (PPE) kesan daripada pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Industri berorientasikan domestik khususnya segmen produk farmaseutikal asas dan kimia perubatan serta produk makanan juga dijangka meningkat selari dengan pengembangan ekonomi.

**RAJAH 2.3.** *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**JADUAL 2.3.** Indeks Pengeluaran Pembuatan,  
Januari - Ogos 2020 dan 2021  
(2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
<b>Industri berorientasikan eksport</b>	<b>114.9</b>	<b>129.6</b>	<b>-3.2</b>	<b>12.8</b>	<b>68.8</b>	<b>70.3</b>
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	110.2	93.8	0.8	-14.9	5.3	4.1
Pembuatan tekstil	95.5	110.6	-18.2	15.8	0.7	0.8
Pembuatan pakaian	106.7	109.4	-17.5	2.6	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	96.1	106.7	-17.6	11.1	1.8	1.8
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	99.3	112.6	-11.5	13.5	12.1	12.5
Pembuatan kimia dan produk kimia	107.2	117.3	-8.6	9.3	8.9	8.8
Pembuatan produk getah	171.1	245.4	40.1	43.4	5.0	6.4
Pembuatan produk plastik	110.5	126.7	-0.9	14.6	3.3	3.4
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	122.8	141.7	-1.2	15.3	22.3	23.3
Pembuatan kelengkapan elektrik	117.5	130.9	-1.3	11.4	3.4	3.4
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.	126.7	139.2	0.2	9.8	3.6	3.5
Pembuatan perabot	113.4	114.5	-12.8	0.9	1.5	1.4
<b>Industri berorientasikan domestik</b>	<b>106.5</b>	<b>112.1</b>	<b>-10.8</b>	<b>5.2</b>	<b>31.2</b>	<b>29.7</b>
Pembuatan produk makanan	133.2	145.1	5.5	8.9	6.4	6.3
Pembuatan minuman	102.1	111.7	-18.4	9.4	0.9	0.9
Pembuatan produk tembakau	85.9	72.6	-26.1	-15.4	0.6	0.4
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	99.2	117.0	-22.7	18.0	0.2	0.2
Pembuatan kertas dan produk kertas	110.5	126.3	-6.9	14.4	1.7	1.7
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	106.2	111.2	-9.4	4.7	1.3	1.2
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	134.2	153.4	12.4	14.3	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	94.7	96.9	-20.3	2.4	3.7	3.4
Pembuatan logam asas	105.9	107.8	-9.0	1.8	3.3	3.0
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	96.1	102.1	-20.2	6.3	4.8	4.6
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	105.7	108.5	-8.9	2.7	4.4	4.1
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	89.8	92.6	-17.0	3.1	1.4	1.3
Pembuatan lain	97.1	100.4	-13.0	3.4	0.9	0.9
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	116.3	115.6	-11.4	-0.6	1.2	1.0
<b>Indeks Pengeluaran Pembuatan</b>	<b>112.1</b>	<b>123.8</b>	<b>-5.7</b>	<b>10.4</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

## Sektor Pertanian

### *Sokongan kukuh subsektor bukan komoditi*

Sektor **pertanian** diunjur menguncup secara marginal sebanyak 0.8% pada 2021 terutamanya disebabkan oleh output minyak sawit mentah (CPO) dan getah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, penurunan ini dijangka diimbangi oleh prestasi lebih baik dalam subsektor bukan komoditi. Dalam tempoh separuh pertama 2021, sektor ini merosot sebanyak 0.7% berikutan pengeluaran yang lebih rendah dalam semua subsektor kecuali ternakan dan pertanian lain. Kemerosotan subsektor berkaitan perladangan disebabkan oleh kekurangan tenaga buruh asing berikutan langkah pembendungan pandemik COVID-19 termasuk penutupan sempadan dan sekatan pengambilan pekerja asing baharu. Penawaran tenaga buruh yang terhad dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini dan menyebabkan sektor ini merosot sebanyak 1%.

## Sektor Perlombongan

### *Prestasi menyederhana dengan output gas asli lebih rendah*

Sektor **perlombongan** kembali melonjak sebanyak 3.5% pada separuh pertama 2021 disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran minyak mentah dan kondensat terutamanya pada suku kedua. Sektor ini diunjur menguncup secara marginal sebanyak 0.7% pada separuh kedua tahun ini disebabkan oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengurangan output ini juga sejajar dengan peningkatan ketidakpastian permintaan minyak dan gas global berikutan kebimbangan penularan pelbagai varian COVID-19. Secara keseluruhan, sektor perlombongan dijangka kembali pulih sebanyak 1.5% pada 2021.

**JADUAL 2.4.** Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 2020 – 2022 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2021 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>
Kelapa sawit	34.4	-3.6	-8.0	4.2
Getah	2.5	-18.6	-1.0	2.9
Ternakan	17.1	3.5	5.1	5.6
Pertanian lain <sup>1</sup>	29.6	5.1	5.3	5.5
Perikanan	11.3	-7.9	-0.2	0.5
Perhutanan dan pembersihan	5.1	-18.8	-2.7	-4.0
<b>Pertanian</b>	<b>100.0</b>	<b>-2.2</b>	<b>-0.8</b>	<b>3.9</b>

<sup>1</sup> Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

<sup>2</sup> Anggaran

<sup>3</sup> Unjuran


Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

## Sektor Pembinaan

### *Cabaran yang berterusan*


Sektor **pembinaan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.3% pada separuh pertama 2021 disokong oleh peningkatan dalam subsektor aktiviti pembinaan khas, bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman. Prestasi lebih baik ini turut disumbangkan oleh kesan asas lebih rendah susulan penurunan ketara dalam kerja pembinaan bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, subsektor kejuruteraan awam merosot disebabkan oleh penangguhan sementara projek infrastruktur susulan langkah pembendungan penularan COVID-19 yang ketat. Sementara itu, sektor ini dijangka menguncup sebanyak 8.4% pada separuh kedua 2021 disebabkan oleh kemerosotan dalam subsektor kejuruteraan awam, bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman meskipun aktiviti pembinaan kembali beroperasi. Penguncupan ini akan diimbangi oleh pemulihan dalam subsektor aktiviti pembinaan khas. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur mencatat penyusutan lebih kecil sebanyak 0.8% pada 2021 berbanding kemerosotan ketara pada 2020.

**RAJAH 2.4.** Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

**RAJAH 2.5.** Indeks Harga Rumah (% perubahan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

**RAJAH 2.6.** Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Pasaran harta tanah negara bagi segmen kediaman dan bukan kediaman telah terjejas akibat pandemik COVID-19. Kesan ini dapat dilihat melalui penurunan unit penawaran akan datang bagi segmen kediaman. Selain itu, indeks harga rumah merekod penguncupan ketara pada suku kedua 2021. Pada masa yang sama, segmen bukan kediaman mencatat penurunan pada kadar penghunian bagi ruang niaga dan pejabat.

## Permintaan Domestik

*Permintaan domestik terus menyokong pertumbuhan*

**Permintaan domestik** kekal berdaya tahan dan terus menerajui pertumbuhan meskipun berdepan dengan ketidakpastian global dan penularan COVID-19. Setelah mencatat penguncupan sebanyak 5.8% pada 2020, permintaan domestik diunjur kembali pulih kepada 3.1% pada 2021 dengan perbelanjaan sektor swasta meningkat sebanyak 3.5% dan perbelanjaan sektor awam 1.6%. Pemulihan ini didorong oleh prestasi permintaan domestik yang memberangsangkan pada separuh pertama 2021 yang berkembang sebanyak 5% berikutan kesan asas rendah pada 2020 susulan langkah pembendungan ketat bagi mengawal pandemik COVID-19. Pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan seperti Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan (PEMERKASA+) dan PEMULIH, pembukaan semula sektor ekonomi secara beransur-ansur dan pemulihan permintaan luar dijangka meningkatkan sentimen pengguna dan perniagaan.

**JADUAL 2.5.** Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2020 – 2022 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)		PERUBAHAN (%)	
	2021 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>
<b>Permintaan domestik</b>	<b>93.4</b>	<b>-5.8</b>	<b>3.1</b>	<b>6.6</b>
<b>Perbelanjaan swasta</b>	<b>75.2</b>	<b>-6.0</b>	<b>3.5</b>	<b>6.4</b>
Penggunaan	59.8	-4.3	4.1	7.3
Pelaburan	15.4	-11.9	1.4	2.6
<b>Perbelanjaan awam</b>	<b>18.3</b>	<b>-4.7</b>	<b>1.6</b>	<b>7.3</b>
Penggunaan	13.3	3.9	3.0	1.1
Pelaburan	5.0	-21.3	-1.9	24.1
<b>Sektor luar<sup>1</sup></b>	<b>6.6</b>	<b>-13.0</b>	<b>4.8</b>	<b>6.8</b>
Eksport	68.3	-8.9	15.0	4.2
Import	61.7	-8.4	16.2	3.9
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>-5.6</b>	<b>3.0 – 4.0</b>	<b>5.5 – 6.5</b>

<sup>1</sup> Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

<sup>2</sup> Anggaran

<sup>3</sup> Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

**Penggunaan swasta** terus menjadi penentu pertumbuhan yang signifikan dan berkembang sebanyak 4.3% pada separuh pertama 2021 disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikutan pemulihan pasaran buruh secara beransur-ansur, kadar faedah yang akomodatif, harga komoditi yang menggalakkan serta pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan. Seterusnya, penggunaan swasta diunjur meningkat sebanyak 3.9% pada separuh kedua 2021 berikutan pembukaan semula sektor ekonomi secara berperingkat. Secara keseluruhannya, penggunaan swasta pada 2021 dijangka meningkat sebanyak 4.1% disokong oleh langkah bantuan dan rangsangan ekonomi yang berterusan terutamanya subsidi upah, BPR, moratorium bersasar, Bantuan Khas COVID-19 serta pengeluaran i-Sinar dan i-Citra. Sehingga 19 Ogos 2021, sebanyak RM20.2 bilion telah diluluskan untuk 4.9 juta pemohon i-Citra dan RM58.4 bilion telah dikeluarkan



untuk 6.6 juta pemohon i-Sinar. Sementara itu, sebanyak RM14.3 bilion telah disalurkan untuk program subsidi upah yang memanfaatkan lebih 3.3 juta pekerja setakat 24 September 2021.


**Pelaburan swasta** meningkat sebanyak 8.8% pada separuh pertama 2021 disokong oleh langkah berterusan Kerajaan bagi memastikan persekitaran kondusif untuk pelaburan sektor swasta dan kesan limpahan berikutan penyambungan semula projek infrastruktur strategik. Langkah tersebut merangkumi inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) bertujuan untuk mengurangkan beban kawal selia yang tidak perlu. Di samping itu, Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek (PACU) dan Pusat Sehati untuk Pengunjung Perniagaan telah ditubuhkan bagi mempercepat kelulusan permohonan pelaburan dan memudahkan kemasukan pelabur ke Malaysia. Secara keseluruhannya, pelaburan swasta pada 2021 dijangka kembali pulih kepada 1.4% meskipun dijangka menguncup 6.5% pada separuh kedua 2021 berikutan pelaksanaan PPN secara berfasa.

**Pelaburan awam** dijangka menguncup 1.9% pada 2021 terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih kecil oleh syarikat awam. Perbelanjaan pelaburan awam yang menyusut 6.9% pada separuh pertama 2021 dijangka meningkat sebanyak 1.4% pada separuh kedua 2021. Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus memberi keutamaan kepada pelaburan yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan nilai faedah terbaik. Peruntukan DE sebanyak RM57 bilion secara purata dalam tempoh 2020 – 2021 terus bertumpu terutamanya bagi menggalakkan pembangunan lestari, merapatkan jurang infrastruktur antara bandar dengan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Sasaran ini selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) iaitu kerangka pertumbuhan masa depan yang akan menjadi asas bagi pembaharuan menyeluruh dasar pelaburan Malaysia.

**Penggunaan awam** dijangka berkembang sebanyak 3% pada 2021 seiring dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terus meningkat. Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh perolehan perkhidmatan dan bekalan bagi mengekang penularan COVID-19 termasuk vaksin dan perkhidmatan logistik. Peningkatan perbelanjaan tersebut juga berikutan pelaksanaan pakej PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH bagi menyokong isi rumah dan perniagaan dalam tempoh pandemik.

**Tabungan negara kasar (TNK)** dijangka mencatat pertumbuhan 3.8% pada 2021 seiring dengan jangkaan peningkatan pendapatan negara nominal sebanyak 6.2%. Oleh itu, TNK dijangka kekal tinggi pada RM352.6 bilion atau 23.9% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Sementara itu, jumlah

**RAJAH 2.7.** Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)



<sup>1</sup>Anggaran

<sup>2</sup>Unjuran

<sup>3</sup>Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


perbelanjaan pelaburan diunjur meningkat sebanyak 5.9% kepada RM295.9 bilion atau 20.1% daripada PNK. Sehubungan itu, jurang tabungan-pelaburan dijangka mencatat lebih RM56.7 bilion atau 3.8% daripada PNK yang membolehkan Malaysia membiayai kegiatan ekonomi terutamanya daripada sumber domestik.

## Pendapatan

*Perkongsian keuntungan yang lebih seimbang kekal mencabar*

Sekatan terhadap aktiviti sosioekonomi dan operasi perniagaan semasa pandemik COVID-19 telah menyebabkan peluang pekerjaan yang terhad dan pengurangan jam bekerja. Berikutan prestasi ekonomi yang lebih perlahan pada 2020, **pampasan pekerja (PP)** yang merangkumi saraan dalam bentuk tunai dan bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang perlu dibayar kepada pekerja berkurang sebanyak 3% kepada RM526.7 bilion. Walau bagaimanapun, bahagian PP kepada KDNK meningkat kepada 37.2% berikutan penguncupan PP yang lebih kecil berbanding penguncupan KDNK nominal. Jangkaan penerusan semula operasi perniagaan dan pencapaian vaksinasi secara menyeluruh menjelang akhir 2021

**RAJAH 2.8.** Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2019 – 2022



<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

akan menggalakkan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan upah yang lebih tinggi. Justeru, PP dijangka meningkat kepada 37.3% pada 2021 dengan sektor perkhidmatan (63.3%) dan pembuatan (23.4%) terus menyumbang bahagian tertinggi kepada PP.

**JADUAL 2.6.** Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2019 – 2022 (pada harga semasa)

KOMPONEN	RM JUTA				PERUBAHAN (%)			
	2019	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2019	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
Pampasan pekerja	542,790	526,718	564,346	610,779	4.8	-3.0	7.1	8.2
Lebihan kendalian kasar	914,615	851,080	912,029	975,636	3.7	-6.9	7.2	7.0
Lebihan kendalian	589,926	554,779	602,368	637,821	6.7	-6.0	8.6	5.9
Pendapatan campuran	324,689	296,301	309,661	337,815	-1.2	-8.7	4.5	9.1
Cukai tolak subsidi	55,752	38,807	38,249	51,385	16.4	-30.4	-1.4	34.3
<b>KDNK pada harga pembeli</b>	<b>1,513,157</b>	<b>1,416,605</b>	<b>1,514,624</b>	<b>1,637,800</b>	<b>4.5</b>	<b>-6.4</b>	<b>6.9</b>	<b>8.1</b>

<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

**Lebih kendalian kasar (LKK)** yang terdiri daripada lebih kendalian untuk pemilik modal dan pendapatan campuran berkurang sebanyak 6.9% dan merekodkan 60.1% bahagian daripada KDNK pada 2020. Walaupun pertumbuhan setiap subkomponen LKK merosot dalam tempoh tersebut, namun pendapatan campuran yang diperoleh golongan yang bekerja sendiri, perusahaan yang tidak berdaftar dan lain-lain merekodkan penguncupan lebih besar iaitu 8.7% memandangkan golongan ini telah terjejas teruk semasa pandemik. Sumbangan LKK daripada KDNK dijangka meningkat sedikit kepada 60.2% pada 2021. Namun demikian, pendapatan campuran bagi golongan yang bekerja sendiri dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 4.5% manakala lebih kendalian meningkat lebih tinggi iaitu 8.6% berikutan perniagaan masih berusaha untuk mengatasi cabaran yang disebabkan oleh pandemik.

**Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import** mencatat penguncupan dua digit sebanyak 30.4% pada 2020 berikutan perbelanjaan yang besar untuk subsidi dan insentif terutamanya bagi program subsidi upah dan geran khas yang merupakan 66.8% daripada jumlah perbelanjaan subsidi. Pemberian subsidi tersebut adalah sebagai insentif dan bagi membantu perniagaan khususnya PMKS untuk mengekalkan pekerja dan terus beroperasi semasa pandemik COVID-19. Pada 2021, pendapatan daripada cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 1.5% (2020: -7.2%) berikutan pengoperasian semula lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial yang menyumbang kepada hasil lebih tinggi susulan pertambahan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan. Sementara itu, perbelanjaan subsidi dijangka berkurang sebanyak 1.7%. Justeru, cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import secara keseluruhan dijangka merekodkan penguncupan lebih kecil iaitu 1.4%.

## Sektor Luar Negeri

*Pemulihan stabil berikutan normalisasi aktiviti ekonomi meskipun pertumbuhan global tidak sekata*

### Prestasi Perdagangan

**Eksport kasar** dijangka meningkat 17.1% pada 2021 didorong oleh permintaan luar yang kukuh berikutan pemulihan aktiviti ekonomi sejajar dengan pelaksanaan program vaksinasi global yang pantas terutamanya dalam kalangan negara maju. Eksport barangan pembuatan dianggar berkembang 17.8% berikutan permintaan yang lebih tinggi bagi produk E&E pada 12.8% dan bukan E&E pada 22%. Eksport E&E yang tinggi dipacu oleh peningkatan trend global dalam pendigitalan dan teknologi termasuk semikonduktor, kelengkapan peralatan telekomunikasi dan perkakasan mesin elektronik.

Eksport bagi produk bukan E&E khususnya produk getah dijangka meningkat pada 2021 berikutan permintaan global yang tinggi untuk PPE terutamanya sarung tangan getah. Pada masa yang sama, eksport barangan pertanian dianggar berkembang 18.7% didorong oleh minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Peningkatan permintaan dari Belanda, China dan India dijangka akan menyumbang kepada peningkatan eksport minyak sawit sebanyak 22.3%. Di samping itu, pelaksanaan duti import yang lebih rendah terhadap minyak sawit mentah oleh India dijangka dapat melonjakkan eksport minyak sawit. Eksport barangan perlombongan pula diunjur meningkat sebanyak 4.1% disokong oleh kenaikan permintaan global bagi petroleum mentah sebanyak 4.9% dan gas asli cecair (LNG) sebanyak 1.1%. Peningkatan permintaan daripada aktiviti perindustrian dan pengangkutan global serta kenaikan harga menyumbang kepada peningkatan eksport barangan perlombongan.

**JADUAL 2.7.** Perdagangan Luar Negeri,  
2020 – 2022

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>	2020	2021 <sup>1</sup>	2022 <sup>2</sup>
<b>Jumlah dagangan</b>	<b>1,784,308</b>	<b>2,084,587</b>	<b>2,117,721</b>	<b>-3.3</b>	<b>16.8</b>	<b>1.6</b>
<b>Eksport kasar</b>	<b>983,827</b>	<b>1,152,140</b>	<b>1,169,422</b>	<b>-1.1</b>	<b>17.1</b>	<b>1.5</b>
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	849,498	1,000,909	1,016,307	1.1	17.8	1.5
Pertanian	71,724	85,125	86,138	8.7	18.7	1.2
Perlombongan	58,414	60,834	61,659	-28.3	4.1	1.4
<b>Import kasar</b>	<b>800,481</b>	<b>932,447</b>	<b>948,299</b>	<b>-5.8</b>	<b>16.5</b>	<b>1.7</b>
<i>antaranya:</i>						
Barangan modal	90,733	99,932	102,382	-9.4	10.1	2.5
Barangan pengantara	429,190	510,686	516,752	-8.1	19.0	1.2
Barangan penggunaan	74,134	84,482	86,228	-0.03	14.0	2.1
<b>Imbangan dagangan</b>	<b>183,345</b>	<b>219,693</b>	<b>221,123</b>	<b>25.9</b>	<b>19.8</b>	<b>0.7</b>

<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

**JADUAL 2.8.** Eksport Kasar,  
Januari – Ogos 2020 dan 2021

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
Pembuatan	535,117	673,010	-3.4	25.8	85.9	86.5
Pertanian	44,007	58,131	-0.5	32.1	7.1	7.5
Perlombongan	41,234	44,354	-25.8	7.6	6.6	5.7
Lain-lain <sup>1</sup>	2,818	2,993	-43.0	6.2	0.5	0.4
<b>Eksport kasar</b>	<b>623,176</b>	<b>778,488</b>	<b>-5.4</b>	<b>24.9</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

**JADUAL 2.9.** Eksport Barangan Pembuatan, Januari – Ogos 2020 dan 2021

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
<b>E&amp;E</b>	<b>238,020</b>	<b>282,721</b>	<b>-3.9</b>	<b>18.8</b>	<b>44.5</b>	<b>42.0</b>
<b>Bukan E&amp;E</b>	<b>297,097</b>	<b>390,289</b>	<b>-2.9</b>	<b>31.4</b>	<b>55.5</b>	<b>58.0</b>
Produk petroleum	43,712	59,908	-7.1	37.1	8.2	8.9
Kimia dan produk kimia	32,759	44,701	-14.8	36.5	6.1	6.6
Barangan pembuatan logam	23,005	35,880	-17.9	56.0	4.3	5.3
Jentera, kelengkapan dan peralatan	25,366	31,054	-8.5	22.4	4.7	4.6
Barangan optik dan saintifik	26,577	29,651	8.1	11.6	5.0	4.4
Produk getah	24,014	50,573	43.1	110.6	4.5	7.5
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	13,854	19,966	-13.5	44.1	2.6	3.0
Barangan makanan diproses	13,764	15,505	-1.9	12.7	2.6	2.3
Produk besi dan keluli	15,713	17,348	8.6	10.4	2.9	2.6
Kelengkapan pengangkutan	13,049	10,091	11.2	-22.7	2.4	1.5
Tekstil, pakaian dan kasut	8,726	10,122	-16.1	16.0	1.6	1.5
Produk kayu	9,844	10,355	-2.5	5.2	1.8	1.5
Barangan pembuatan plastik	8,567	10,335	-13.5	20.6	1.6	1.5
Produk galian bukan logam	5,084	6,786	-9.7	33.5	1.0	1.0
Barang kemas	2,286	3,494	-51.5	52.8	0.4	0.5
Produk kertas dan pulpa	4,202	5,421	3.2	29.0	0.8	0.8
Minuman dan tembakau	1,629	1,574	-28.4	-3.3	0.3	0.2
Produk pembuatan lain	24,949	27,525	24.3	10.4	4.7	4.1
<b>Eksport barangan pembuatan</b>	<b>535,117</b>	<b>673,010</b>	<b>-3.4</b>	<b>25.8</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

**RAJAH 2.9.** Rakan Dagang 10 Teratas, Januari – Ogos 2021 (% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

**Import kasar** dijangka berkembang sebanyak 16.5% pada 2021 disokong oleh import barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan susulan pemulihan sektor ekonomi terutamanya pembuatan dan perkhidmatan. Import barangan pengantara dengan sumbangan terbesar iaitu 54.8% dijangka meningkat sebanyak 19%, diikuti barangan modal sebanyak 10.1% dan

barangan penggunaan 14%. Barangan modal mewakili 10.7% daripada jumlah import kasar manakala barangan penggunaan 9.1%. Import barangan modal dijangka meningkat berikutan pengukuhan sistem penjagaan kesihatan bagi menangani pandemik yang sedang melanda melalui penggunaan mesin dan peralatan perubatan terkini untuk kegunaan perubatan, pembedahan dan makmal.

**JADUAL 2.10.** *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari - Ogos 2020 dan 2021*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021
<b>Barangan modal</b>	<b>60,272</b>	<b>66,733</b>	<b>-8.0</b>	<b>10.7</b>	<b>11.5</b>	<b>10.6</b>
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	62,561	63,006	4.8	0.7	12.0	10.0
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	-2,290	3,727	-139.4	-262.8	0.4	0.6
<b>Barangan pengantara</b>	<b>282,841</b>	<b>347,628</b>	<b>-7.8</b>	<b>22.9</b>	<b>54.2</b>	<b>55.3</b>
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	13,196	17,633	8.4	33.6	2.5	2.8
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	32,422	31,574	-17.5	-2.6	6.2	5.0
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. <sup>1</sup>	129,772	175,769	-9.5	35.4	24.9	28.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	107,451	122,652	-4.0	14.1	20.6	19.5
<b>Barangan penggunaan</b>	<b>47,857</b>	<b>54,341</b>	<b>-1.3</b>	<b>13.5</b>	<b>9.2</b>	<b>8.6</b>
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	21,461	23,854	6.9	11.1	4.1	3.8
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	578	1,097	-16.1	89.7	0.1	0.2
Barangan pengguna lain	25,818	29,391	-6.9	13.8	4.9	4.7
Barangan tahan lama	5,813	7,905	-8.6	36.0	1.1	1.3
Barangan separa tahan lama	8,042	8,381	-9.4	4.2	1.5	1.3
Barangan tidak tahan lama	11,963	13,106	-4.2	9.6	2.3	2.1
<b>Lain-lain</b>	<b>12,889</b>	<b>15,756</b>	<b>-48.0</b>	<b>22.3</b>	<b>2.5</b>	<b>2.5</b>
<b>Eksport semula</b>	<b>118,003</b>	<b>143,832</b>	<b>4.5</b>	<b>21.9</b>	<b>22.6</b>	<b>22.9</b>
<b>Import kasar</b>	<b>521,861</b>	<b>628,291</b>	<b>-6.6</b>	<b>20.4</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Tidak disenarai di tempat lain  
 Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### **Imbangan Pembayaran**

Lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** meningkat kepada RM26.7 bilion atau 3.7% daripada PNK pada separuh pertama 2021.

Peningkatan ini disebabkan oleh lebih akaun barangan yang lebih tinggi meskipun akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan mencatat defisit yang lebih besar. Pada separuh kedua 2021, lebih akaun semasa dianggap mengecil

kepada RM29.8 bilion atau 4% daripada PNK. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa dijangka berkurang kepada RM56.7 bilion atau 3.8% daripada PNK pada 2021.

Akaun barangan dijangka mencatat lebih yang lebih tinggi pada 2021 sebanyak RM170.4 bilion disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Akaun perkhidmatan dijangka mencatat aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM61 bilion disebabkan peningkatan defisit yang berterusan bagi akaun perjalanan dan pengangkutan. Penutupan sempadan antarabangsa yang berlanjutan menyebabkan penurunan ketara ketibaan pelancong yang dijangka mengakibatkan peningkatan defisit sebanyak RM17.8 bilion dalam akaun perjalanan. Akaun pengangkutan juga dijangka merekodkan defisit lebih besar sebanyak RM32.4 bilion berikutan penyusutan pendapatan daripada tambang penumpang syarikat penerbangan dan caj fret serta caj lapangan terbang dan pelabuhan

untuk aktiviti seperti pendaratan dan parkir pesawat, dok kapal serta pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat tempatan. Defisit tersebut sebahagiannya disebabkan pelaksanaan pelbagai peringkat PKP dan SOP yang lebih ketat bagi mengekang penularan semula kes COVID-19. Sementara itu, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih kecil berjumlah RM10.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan terimaan untuk pembinaan, perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain, caj penggunaan harta intelek serta barangan dan perkhidmatan kerajaan.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM40 bilion pada 2021 susulan peningkatan defisit dalam pendapatan pelaburan berikutan bayaran pendapatan yang lebih tinggi terutamanya disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Pembayaran pendapatan pelaburan dijangka mencatat peningkatan sebanyak

**JADUAL 2.11.** *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2020 – 2022 (RM juta)*

	2020			2021 <sup>1</sup>			2022 <sup>2</sup>		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
<b>Imbangan barangan dan perkhidmatan</b>	<b>870,272</b>	<b>779,011</b>	<b>91,261</b>	<b>1,027,614</b>	<b>918,233</b>	<b>109,381</b>	<b>1,086,802</b>	<b>965,523</b>	<b>121,279</b>
Barangan	777,665	638,955	138,709	940,764	770,373	170,391	970,451	791,524	178,927
Perkhidmatan	92,607	140,055	-47,448	86,849	147,860	-61,011	116,351	173,999	-57,648
Pengangkutan	13,658	41,010	-27,352	16,519	48,900	-32,381	25,301	57,256	-31,956
Perjalanan	12,558	20,209	-7,651	430	18,257	-17,827	16,050	30,543	-14,493
Perkhidmatan lain	66,391	78,836	-12,445	69,900	80,703	-10,803	75,001	86,200	-11,199
<b>Pendapatan primer</b>	<b>53,921</b>	<b>82,505</b>	<b>-28,584</b>	<b>74,263</b>	<b>114,266</b>	<b>-40,003</b>	<b>80,714</b>	<b>135,084</b>	<b>-54,370</b>
Pampasan pekerja	6,012	14,137	-8,125	6,746	14,236	-7,490	6,936	17,995	-11,059
Pendapatan pelaburan	47,909	68,368	-20,459	67,517	100,030	-32,513	73,778	117,089	-43,311
<b>Pendapatan sekunder</b>	<b>27,130</b>	<b>29,800</b>	<b>-2,670</b>	<b>23,282</b>	<b>36,004</b>	<b>-12,722</b>	<b>25,675</b>	<b>37,006</b>	<b>-11,331</b>
<b>Imbangan akaun semasa</b>	<b>951,323</b>	<b>891,315</b>	<b>60,007</b>	<b>1,125,159</b>	<b>1,068,503</b>	<b>56,656</b>	<b>1,193,191</b>	<b>1,137,614</b>	<b>55,578</b>
<b>% daripada PNK</b>			<b>4.3</b>			<b>3.8</b>			<b>3.5</b>

<sup>1</sup> Anggaran

<sup>2</sup> Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RM100 bilion. Sementara itu, pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih rendah berikutan pengurangan bilangan profesional asing di Malaysia.

Pembayaran dalam akaun pendapatan sekunder pada 2021 dijangka meningkat kepada RM36 bilion berikutan kiriman wang keluar lebih tinggi oleh pekerja asing ke Bangladesh, Filipina, India, Indonesia dan Nepal. Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder diunjur berkurang kepada RM23.3 bilion berikutan kiriman wang masuk oleh rakyat Malaysia di luar negara dijangka kekal rendah seterusnya meningkatkan defisit sebanyak RM12.7 bilion dalam akaun ini.

Pada separuh pertama 2021, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM9 bilion disumbangkan oleh peningkatan ketara aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan portfolio yang melebihi aliran keluar bersih dalam akaun derivatif kewangan dan akaun pelaburan lain. Walaupun PKP dilaksanakan untuk membendung pandemik COVID-19 telah

menjejaskan kebanyakan aktiviti ekonomi, namun pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi berjumlah RM17.4 bilion yang disalurkan terutamanya dalam sektor pembuatan dan perlombongan serta aktiviti kewangan dan insurans/takaful. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM11.8 bilion. Aliran keluar disalurkan terutamanya dalam aktiviti sektor pengangkutan dan penyimpanan, penginapan dan perkhidmatan makanan serta hartanah.


## Harga

### Normalisasi inflasi

**Indeks Harga Pengguna (IHP)** meningkat sebanyak 2.3% pada lapan bulan pertama 2021 dan trend ini dijangka berterusan sepanjang tahun. Selain itu, indeks teras meningkat secara marginal 0.7% dalam tempoh yang sama menunjukkan permintaan dalam negeri yang berterusan serta pembukaan semula aktiviti ekonomi secara beransur-ansur. Perubahan daripada deflasi pada tahun sebelumnya disebabkan oleh harga pam RON97, RON95 dan diesel yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga minyak mentah global walaupun caj elektrik lebih rendah susulan diskaun bil yang diberikan menerusi pakej rangsangan. Oleh itu, inflasi bagi keseluruhan tahun 2021 dijangka mencatat 2.4%.

**Indeks Harga Pengeluar (IHPR)** berdasarkan pengeluaran tempatan meningkat 8.2% pada lapan bulan pertama 2021 dan dijangka kekal stabil berikutan normalisasi kos input. Pertumbuhan tersebut disebabkan oleh peningkatan harga komoditi global terutamanya minyak mentah dan gas asli. Sementara itu, pertumbuhan IHPR mengikut sektor didorong oleh peningkatan signifikan dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (36.6%) diikuti oleh sektor perlombongan (30.2%), pembuatan (4.3%) dan bekalan air (0.7%). Walau bagaimanapun, indeks sektor bekalan elektrik dan gas menguncup 0.7% dalam tempoh tersebut.

RAJAH 2.10. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia



**JADUAL 2.12.** Indeks Harga Pengguna,  
Januari - Ogos 2020 dan 2021  
(2010 = 100)

	WAJARAN <sup>1</sup>	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2020	2021	2020	2021
<b>IHP</b>	<b>100.0</b>	<b>-1.0</b>	<b>2.3</b>	<b>-1.00</b>	<b>2.30</b>
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	1.2	1.4	0.35	0.41
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.2	0.6	0.00	0.01
Pakaian dan kasut	3.2	-1.0	-0.4	-0.03	-0.01
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	-1.0	1.0	-0.24	0.24
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	0.3	1.3	0.01	0.05
Kesihatan	1.9	1.2	0.5	0.02	0.01
Pengangkutan	14.6	-10.0	11.0	-1.46	1.61
Komunikasi	4.8	1.6	0.0	0.08	0.00
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	0.7	0.5	0.03	0.02
Pendidikan	1.3	1.2	0.2	0.02	0.00
Restoran dan hotel	2.9	0.7	0.2	0.02	0.01
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	2.7	0.8	0.18	0.05


<sup>1</sup> Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016  
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**JADUAL 2.13.** Indeks Harga Pengeluar,  
Januari - Ogos 2020 dan 2021  
(2010 = 100)

	WAJARAN <sup>1</sup>	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2020	2021	2020	2021
<b>IHPR</b>	<b>100.000</b>	<b>-2.4</b>	<b>8.2</b>	<b>-2.40</b>	<b>8.20</b>
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	12.5	36.6	0.84	2.46
Perlombongan	7.927	-32.7	30.2	-2.59	2.39
Pembuatan	81.571	-0.2	4.3	-0.16	3.51
Bekalan elektrik dan gas	3.442	-0.2	-0.7	-0.01	-0.02
Bekalan air	0.330	-0.6	0.7	0.00	0.00
<b>IHPR mengikut peringkat pemprosesan</b>	<b>100.000</b>	<b>-2.4</b>	<b>8.2</b>	<b>-2.40</b>	<b>8.20</b>
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	-12.4	29.3	-2.03	4.81
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	-0.3	5.9	-0.17	3.31
Barang siap	27.471	0.3	-0.2	0.08	-0.05

<sup>1</sup> Berdasarkan Banci Ekonomi 2016  
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**RAJAH 2.11.** Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Pasaran Buruh

### *Pemulihan dalam pasaran buruh kekal mencabar*

Pemulihan dalam pasaran buruh kekal tidak sekata pada separuh pertama 2021 berikutan pelaksanaan PKP 3.0 untuk membendung peningkatan kes baharu COVID-19. Sekatan secara bersasar ke atas aktiviti ekonomi dan sosial bagi mengurangkan penularan pandemik telah melemahkan permintaan agregat buruh. Walaupun jumlah **guna tenaga** mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.1% atau 157,900 guna tenaga, namun peningkatan tersebut adalah lebih rendah berbanding pertumbuhan tenaga buruh iaitu 1.6%. Oleh itu, **kadar pengangguran** kekal tinggi iaitu 4.8% atau 757,200 orang berbanding 4.3% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Di samping itu, kadar penyertaan tenaga buruh menunjukkan peningkatan secara marginal dan mencatat 68.5%. Dalam tempoh tersebut, sektor perkhidmatan terus menjadi sumber utama guna tenaga iaitu 65.4% diikuti

oleh sektor pembuatan (16.6%) dan pertanian (10.1%).

Walau bagaimanapun, penerusan pelbagai inisiatif untuk menstabilkan pasaran buruh di samping peningkatan kadar vaksinasi yang pantas telah memberikan sedikit kelegaan kepada pasaran buruh dan membantu banyak majikan untuk mengekalkan pekerja. Oleh yang demikian, jumlah **pemberhentian pekerja** terutamanya dalam sektor pembuatan dan industri berkaitan pelancongan berkurang dengan ketara sebanyak 31.1% kepada 34,729 orang pada akhir Jun 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Kebanyakan pemberhentian pekerja adalah di Selangor, Kuala Lumpur dan Johor berikutan pelaksanaan PKP yang diperketatkan. **Kekosongan jawatan** meningkat ketara dengan lebih 258,000 kekosongan pada Jun 2021 berbanding sekitar 31,000 dalam tempoh yang sama tahun lalu. Walaupun terdapat pelbagai insentif yang telah disediakan di bawah pakej rangsangan untuk menggalakkan pengambilan pekerja,

namun **penempatan pekerjaan** adalah tidak memberangsangkan iaitu hanya 26.2% daripada jumlah kekosongan. Selain itu, **pencari kerja aktif** berkurang sebanyak 45.6% kepada sekitar 151,000 orang yang memberi gambaran bahawa pandemik tidak mendorong pencari kerja untuk mencari pekerjaan.

Pasaran buruh dijangka bertambah baik menjelang akhir tahun berikutan pengoperasian semula aktiviti ekonomi dan sosial. Justeru, **kadar pengangguran** dijangka mencatat antara 4.6% – 4.8% pada 2021.

**Jumlah guna tenaga** diunjur meningkat sebanyak 1.1% kepada 15.1 juta orang pada 2021 dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga sebanyak 64.5% terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit (17.7%) serta perkhidmatan penginapan dan makanan dan minuman (15.1%). Sektor pembuatan dijangka menyumbang 16.8% daripada jumlah guna tenaga terutamanya dalam industri E&E dan makanan dan minuman manakala sektor pertanian pula menyumbang 10.3% terutamanya dalam industri kelapa sawit.

**JADUAL 2.14.** *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 <sup>1</sup>	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>	H1 <sup>1</sup>	2021 <sup>2</sup>	2022 <sup>3</sup>
Tenaga buruh	15,936.2	15,847.9	16,117.3	1.6	1.2	1.7
Guna tenaga	15,179.0	15,116.7	15,468.6	1.1	1.1	2.3
Pengangguran	757.2	731.2-760.7	648.7	(4.8)	(4.6)-(4.8)	(4.0)

<sup>1</sup> Januari hingga Jun 2021

<sup>2</sup> Anggaran

<sup>3</sup> Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pada akhir Ogos 2021, bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar berkurang kepada 1.1 juta orang dan dijangka kekal pada tahap tersebut sepanjang tahun berikutan pelanjutan moratorium pekerja asing dalam sektor ekonomi. Pekerja asing terutamanya berasal dari Indonesia (33.3%)

diikuti oleh Bangladesh (28.7%) dan Nepal (15%). Sektor pembuatan menggaji pekerja asing tertinggi iaitu 35.4% diikuti sektor pembinaan (21.1%) dan perkhidmatan (14.4%). Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja asing berkemahiran rendah hanya mencatat 7.3% daripada jumlah guna tenaga iaitu rekod terendah yang pernah dicatatkan dalam tempoh sedekad lalu dan masih di bawah had yang ditetapkan iaitu 15% daripada jumlah guna tenaga. Sementara itu, jumlah **ekspatriat** juga berkurang sebanyak 23.1% kepada 77,188 orang berikutan sekatan rentas sempadan. Majoriti ekspatriat berasal dari India (22.5%), China (17.8%) dan Jepun (8.3%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (51.7%), teknologi maklumat (37.1%) dan pembinaan (3.7%).

**Produktiviti buruh** berkembang sebanyak 6% kepada RM89,261 pada separuh pertama 2021 disumbangkan oleh peningkatan produktiviti dalam semua sektor ekonomi kecuali pertanian. Secara keseluruhan, produktiviti buruh dijangka berkembang sebanyak 3.2% kepada RM91,800 pada 2021 berikutan peningkatan produktiviti melalui inisiatif peningkatan kemahiran dan penggunaan teknologi secara meluas dalam industri sejajar dengan perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan MyDIGITAL. Sektor pembuatan dijangka merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 6.3% diikuti sektor perkhidmatan (2.3%) serta perlombongan dan pengkuarian (1.5%).

Purata **gaji dan upah** bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji<sup>2</sup> pada 2020 menguncup buat pertama kalinya setelah satu dekad. Penguncupan sebanyak 9% kepada RM2,933 sebahagian besarnya disebabkan oleh potongan gaji dan cuti tanpa gaji yang dilaksanakan oleh perniagaan untuk kekal bertahan semasa pandemik. Semua industri mencatatkan pertumbuhan gaji negatif kecuali pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib serta aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial. Keadaan

<sup>2</sup> Merujuk kepada warganegara Malaysia.

JADUAL 2.15. Penduduk Bekerja mengikut Sektor

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 <sup>2</sup>	2021 <sup>3</sup>	2022 <sup>4</sup>	H1 <sup>2</sup>	2021 <sup>3</sup>	2022 <sup>4</sup>
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,531.4	1,561.2	1,576.8	10.1	10.3	10.2
Perlombongan dan pengkuarian	71.8	83.0	82.6	0.5	0.5	0.5
Pembuatan	2,520.4	2,534.6	2,571.9	16.6	16.8	16.6
Pembinaan	1,134.4	1,184.1	1,213.3	7.5	7.8	7.8
Perkhidmatan	9,921.0	9,753.7	10,023.9	65.4	64.5	64.8
<b>Jumlah<sup>1</sup></b>	<b>15,179.0</b>	<b>15,116.7</b>	<b>15,468.6</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

<sup>2</sup> Januari hingga Jun 2021

<sup>3</sup> Anggaran

<sup>4</sup> Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

ini telah menyebabkan pengurangan bagi keseluruhan PP pada 2020. Walau bagaimanapun, jangkaan peningkatan produktiviti buruh dan pemulihan pertumbuhan ekonomi secara progresif dalam jangka masa terdekat dijangka dapat meningkatkan purata gaji dan upah bulanan sebanyak 4.5% kepada RM3,065 pada 2021.

## Tinjauan 2022

### Tinjauan Global

#### *Landasan yang kukuh menuju pemulihan*

**Ekonomi global** diunjur berkembang sebanyak 4.9% pada 2022 berikutan jangkaan pemulihan secara berperingkat di ekonomi maju dan juga EMDE. Pada 2022, KDNK di negara maju dijangka menyederhana kepada 4.5% tetapi kekal kukuh berikutan normalisasi aktiviti ekonomi. Pertumbuhan di AS dijangka mencatat 5.2% disebabkan oleh pengurangan sokongan fiskal dan pemulihan yang perlahan dalam sektor perkhidmatan. Pertumbuhan KDNK di kawasan euro diunjur mencatat 4.3% kerana permintaan untuk barangan pengguna terus meningkat. Singapura dijangka mencatat KDNK dengan peningkatan sebanyak 3.2% didorong oleh pemulihan yang kukuh dalam sektor pembuatan. Pertumbuhan KDNK

Republik Korea dijangka menyederhana 3.3% berikutan penguncupan permintaan dalam negeri. Ekonomi Jepun pula dijangka meningkat dengan KDNK sebanyak 3.2% berikutan aktiviti yang rancak apabila ekonomi dibuka sepenuhnya.

Pertumbuhan ekonomi dalam EMDE dijangka menyederhana kepada 5.1% pada 2022, disebabkan penurunan sokongan fiskal yang beransur-ansur dan pelaburan yang berkurangan. Pertumbuhan di China dijangka lebih perlahan pada 5.6% mencerminkan pengurangan sokongan fiskal dan monetari serta langkah kehematan makro dan peraturan harta tanah yang lebih ketat. India dianggar mencatat pertumbuhan yang tinggi sebanyak 8.5% disokong oleh perbelanjaan dan pelaburan kerajaan dalam infrastruktur awam. Pertumbuhan KDNK ASEAN-5 dijangka mencatat 5.8% disokong oleh pemulihan dalam perdagangan. Ekonomi Indonesia dijangka berkembang sebanyak 5.9% dengan pertumbuhan dalam industri pembinaan disokong oleh projek infrastruktur utama seperti pembangunan semula lapangan terbang, jalan raya bertol, transit aliran massa serta pembinaan baharu dan naik taraf pelabuhan sedia ada.

**Perdagangan dunia** dijangka mencatat 6.7% pada 2022 berikutan jangkaan pemulihan yang perlahan dalam perdagangan perkhidmatan

## RENCANA 2.3

## Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau: *The Chiang Mai Initiative Multilateralisation*

### Perspektif Keseluruhan

Sejak 20 tahun yang lalu, dunia telah mengalami beberapa kejutan krisis kewangan dan ekonomi seperti Krisis Kewangan Asia (AFC) pada 1997/1998 dan Krisis Kewangan Global pada 2008/2009. Berikutan ini, permintaan bagi perlindungan insurans untuk menampai kejutan krisis kewangan telah meningkat. Perlindungan insurans yang biasa digunakan untuk menangani krisis kewangan adalah bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) iaitu Jaringan Keselamatan Kewangan Global (GFSN) berpusat. Objektif utama GFSN adalah menyediakan perlindungan insurans kepada negara sewaktu menghadapi krisis, menyediakan pembiayaan kewangan apabila krisis melanda dan menggalakkan dasar ekonomi makro yang kukuh.

Peristiwa AFC telah menyedarkan banyak pihak bahawa alternatif kepada GFSN perlu diwujudkan dalam bentuk kerjasama kewangan serantau untuk menyalurkan bantuan yang lebih pantas bagi menangani krisis kewangan. Pencegahan dan pengurusan krisis kewangan di peringkat nasional dan serantau penting bagi memastikan sistem kewangan antarabangsa kekal berdaya tahan dan stabil. Situasi ini menyebabkan GFSN berpusat yang menggunakan rizab asing negara sendiri dan disokong oleh IMF didesentralisasi kepada beberapa sistem jaringan kewangan yang lain seperti dalam Rajah 2.3.1.

RAJAH 2.3.1. Desentralisasi Jaringan Keselamatan Kewangan



## Jaringan Keselamatan Kewangan Serantau

Keperluan RFSN semakin ketara memandangkan bantuan secara langsung dan segera sangat penting semasa krisis kewangan. Objektif utama RFSN adalah memberikan bantuan kewangan jangka masa sederhana dan panjang untuk menangani kesulitan imbalan pembayaran dan/atau kesulitan mudah tunai jangka pendek dalam kalangan negara anggota serantau. Kelebihan RFSN termasuk peruntukan dana tambahan dan kefahaman yang mendalam berhubung kedudukan spesifik ekonomi dan institusi. Pada masa ini, terdapat 11 RFSN<sup>1</sup> di seluruh dunia termasuk *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) iaitu RFSN tunggal di rantau Asia Timur yang dilaksanakan oleh negara anggota<sup>2</sup> ASEAN Campur Tiga (ASEAN+3) dan *Hong Kong Monetary Authority* (HMA).

### *The Chiang Mai Initiative Multilateralisation*

Sebagai tindak balas kepada AFC, rangka kerja kerjasama kewangan antara bank pusat dan pihak berkuasa monetari negara ASEAN+3 serta HMA diperkukuh melalui Inisiatif Chiang Mai pada 2000. Inisiatif ini melibatkan kemudahan rangkaian swap dan perjanjian belian balik dua hala yang seterusnya dijadikan pelbagai hala dalam perjanjian tunggal yang dikenali sebagai CMIM. Perjanjian CMIM telah ditandatangani pada 24 Disember 2009 dan berkuat kuasa pada 24 Mac 2010. Pengaturan swap telah diwujudkan melalui CMIM untuk menyediakan sokongan mudah tunai dalam dolar AS melalui transaksi swap mata wang untuk mengekalkan kestabilan kewangan di rantau ini. Objektif utama CMIM adalah untuk menangani kesulitan imbalan pembayaran dan/atau mudah tunai jangka pendek di rantau ASEAN+3 dan juga sebagai tambahan kepada pengaturan kewangan antarabangsa sedia ada.

Jumlah rizab terkumpul CMIM ialah sebanyak USD240 bilion iaitu USD48 bilion disumbangkan secara kolektif oleh negara ASEAN manakala USD192 bilion disumbangkan secara kolektif oleh negara China, Jepun dan Republik Korea. Sumbangan setiap pihak CMIM telah diputuskan oleh Menteri Kewangan ASEAN+3 dan Gabenor Bank Pusat. Perjanjian CMIM disokong oleh organisasi pemantauan serantau yang dikenali sebagai ASEAN+3 *Macroeconomic Research Office* (AMRO) yang bertanggungjawab untuk menganalisis data kewangan dan makroekonomi serantau dan memudah cara proses membuat keputusan. Selain itu, AMRO memainkan peranan penting dalam membantu pengesanan awal risiko dan pelaksanaan tindakan pemulihan yang segera bagi rantau ASEAN+3.

Perjanjian CMIM menawarkan dua jenis kemudahan pencegahan krisis iaitu *CMIM Stability Facility* (CMIM-SF) dan *CMIM Precautionary Line* (CMIM-PL). Kemudahan CMIM-SF berfungsi sebagai kemudahan bagi respons kepada kesulitan imbalan bayaran dan/atau kesulitan mudah tunai jangka pendek dolar AS yang telah atau sedang berlaku. Kemudahan CMIM-PL pula direka untuk menangani kesulitan imbalan pembayaran dan/atau mudah tunai jangka pendek dolar AS yang berpotensi berlaku. Kemudahan CMIM-SF dan CMIM-PL dibahagikan kepada dua pengaturan iaitu *IMF-delinked portion* (IDL) dan *IMF linked portion* (ILP). Pengaturan IDL tidak tertakluk kepada program IMF dan membenarkan pengeluaran segera sehingga 30% daripada setiap kuota swap atau jumlah pengaturan maksimum negara. Pengeluaran melebihi 30% daripada peruntukan negara akan berada di bawah ILP yang tertakluk kepada penyeliaan IMF.


<sup>1</sup> Arab Monetary Fund, Chiang Mai Initiative Multilateralisation, Contingent Reserve Arrangement, EU Balance of Payment Facility, EU Macro Financial Assistance Facility, Eurasian Fund Stabilisation and Development, European Financial Stabilisation Mechanism, European Stability Mechanism, Latin American Reserves Fund, North American Framework Agreement dan South ASEAN Association for Regional Cooperation (SAARC) Swap Arrangement.

<sup>2</sup> Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Viet Nam serta Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

### Pengukuhan Mekanisme CMIM

Perjanjian CMIM telah dikemaskini pada Mac 2021 bagi mengukuhkan mekanisme operasi CMIM, dengan pindaan seperti dalam Rajah 2.3.2.

**RAJAH 2.3.2.** Pengukuhan Chiang Mai Initiative Multilateralisation, 2021



Sumber: ASEAN+3 Macroeconomic Research Office

Pindaan CMIM membolehkan negara anggota mengakses dana yang lebih besar dengan penyaluran yang cepat di bawah IDLP dan penggunaan mata wang tempatan sebagai sebahagian daripada pengaturan pembiayaan. Penggunaan mata wang tempatan dalam pengaturan swap akan menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan kewangan rantau ini dengan mengurangkan risiko pertukaran mata wang asing dan kebergantungan tinggi terhadap penggunaan dolar AS. Pengukuhan mekanisme CMIM adalah tepat pada masanya untuk menyediakan negara anggota berhadapan kemungkinan pengaktifan CMIM berikutan pandemik COVID-19.

Pengaturan CMIM belum pernah diaktifkan sejak ditubuhkan meskipun terdapat beberapa krisis kewangan yang berlaku atau pertumbuhan ekonomi yang perlahan sepanjang pandemik berlarutan. Walaupun CMIM belum pernah diaktifkan, kepentingan CMIM tidak boleh disangkal. Pengaturan CMIM berperanan penting sebagai pusat tumpuan bagi membangunkan strategi dan respons bersama untuk mencegah krisis kewangan di rantau ini. Negara anggota dengan bantuan AMRO sentiasa menambah baik kesiapsiagaan operasi CMIM dengan melaksanakan pengujian tahunan, semakan berganda terhadap Garis Panduan Operasi dan kajian semula secara berkala yang konsisten terhadap Perjanjian CMIM. Langkah tersebut akan menyumbang kepada penambahbaikan berterusan ke atas kesiapsiagaan operasi CMIM sekiranya diaktifkan.

### Kesimpulan

Peranan RFSN adalah semakin penting dalam menyediakan perlindungan insurans bagi menghadapi krisis kewangan berikutan ketidakpastian berterusan akibat pandemik yang berlarutan, peningkatan hutang negara dan pemulihan ekonomi yang perlahan. Berikutan perkembangan ekonomi semasa, negara anggota ASEAN+3 mengesahkan semula komitmen untuk mengukuhkan mekanisme CMIM melalui pindaan terkini ke atas Perjanjian CMIM pada Mac 2021. Justeru, pengukuhan mekanisme CMIM penting sebagai jaringan keselamatan bagi sistem monetari dan kewangan antarabangsa yang berdaya tahan di rantau Asia Timur.

terutamanya aktiviti pelancongan disebabkan oleh sekatan perjalanan rentas sempadan yang berterusan. Perdagangan di negara maju dijangka berkembang sebanyak 6.9% disokong oleh aktiviti e-dagang yang dijangka meningkat dalam kalangan isi rumah dan perniagaan menerusi kaedah inovatif dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Perdagangan di EMDE dijangka meningkat sebanyak 6.4% pada 2022 berikutan pemulihan dalam penggunaan dan pelaburan.

**Inflasi global** dijangka kembali pada kadar prapandemik iaitu 3.8%. Inflasi bagi negara maju dijangka menyederhana kepada 2.3% dan EMDE 4.9% berikutan pemulihan ekonomi domestik, serantau dan global. Pada masa yang sama, harga komoditi bukan minyak juga dijangka meningkat dengan lebih kukuh dipacu oleh kenaikan harga logam dan makanan.

## Tinjauan Domestik

### Sektoral

#### Sektor Perkhidmatan

##### *Melangkah ke tahap prapandemik*

Sektor **perkhidmatan** akan menerima manfaat daripada pertambahan permintaan berikutan peningkatan keyakinan peniagaan dan pengguna sejajar dengan kadar vaksinasi negara yang tinggi. Sektor perkhidmatan dijangka melonjak sebanyak 7% pada 2022 berikutan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali beroperasi. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi; kewangan dan insurans; pengangkutan dan penyimpanan; serta makanan & minuman dan penginapan. Industri pelancongan dijangka kembali pulih sebanyak 28.9% berikutan lonjakan semula pelancongan domestik dan ketibaan pelancong selari dengan perkembangan yang memberangsangkan tersebut.

Subsektor perdagangan borong dan runcit diunjur meningkat sebanyak 8.7% selari dengan penggunaan e-dagang yang lebih

meluas dan peralihan pantas ke arah pendigitalan terutamanya dalam segmen runcit, peningkatan rantai bekalan dalam segmen borong serta pelancaran model kenderaan baharu dengan pakej jualan yang menarik. Pelan Induk Perdagangan Pengedaran, 2021 – 2025 yang akan dilancarkan pada akhir 2021 menyediakan hala tuju yang jelas bagi sektor perdagangan pengedaran dan merangka strategi untuk menyokong dan memperkukuh pemulihan dan pembangunan subsektor ini. Selain itu, jangkaan peningkatan pendapatan boleh guna berikutan prospek pasaran buruh yang lebih baik juga akan memberi dorongan sewajarnya kepada subsektor ini.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur meningkat sebanyak 5.5% dipacu oleh segmen kewangan berikutan pemulihan ekonomi yang berterusan dan peningkatan aktiviti pelaburan. Pelan Sektor Kewangan 3.0, (2022 – 2026) dan Rangka Kerja Pelesenan Bank Digital yang bakal dilancarkan pada suku pertama 2022 dijangka menggariskan strategi bagi membolehkan teknologi dan inovasi yang didorong oleh data, meningkatkan daya saing serta memastikan kualiti akses dan penggunaan penyelesaian kewangan yang bertanggungjawab (BNM, 2021). Justeru, pelaksanaan inisiatif di bawah pelan dan rangka kerja tersebut akan dapat membantu mengekalkan pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka berkembang sebanyak 5.7% terutamanya disokong oleh penggunaan internet yang meluas seiring dengan lonjakan berterusan aktiviti e-dagang, e-pembelajaran dan hiburan dalam talian. Di samping itu, peningkatan transformasi digital yang memerlukan penggunaan meluas dalam analisis data raya, kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) dan pengkomputeran awan akan mempertingkatkan pertumbuhan subsektor ini. Pelaksanaan projek infrastruktur di bawah Jalanan Digital Negara (JENDELA) juga akan memudahkan peralihan kepada spektrum rangkaian selular generasi kelima (5G) seterusnya meningkatkan kelajuan rangkaian dan liputan internet.



Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka kembali pulih sebanyak 8.6% terutamanya didorong oleh perkhidmatan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan khusus untuk aktiviti berkaitan harta tanah dan kewangan. Tambahan pula, perkhidmatan perniagaan yang berkaitan perundangan dan pakar runding dijangka meningkat seiring dengan aktiviti sektor pembinaan yang rancak. Di samping itu, pajakan yang fleksibel oleh pengusaha pusat membeli-belah untuk meringankan komitmen sewaan akan membantu menarik penyewa baharu di samping mengekalkan penghuni semasa.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka terus berkembang sebanyak 9.5% disokong oleh semua segmen berikutan normalisasi aktiviti ekonomi dan peningkatan permintaan luar. Segmen pengangkutan darat diunjur berkembang disumbangkan oleh peningkatan penghantaran kargo dan penumpang harian bagi pengangkutan rel serta jumlah trafik lebuhraya. Segmen pengangkutan air juga dijangka meningkat kerana pertambahan jumlah kendalian kargo dan kontena. Selain itu, segmen pengangkutan udara dijangka kembali pulih seiring dengan peningkatan trafik penumpang domestik berikutan pembukaan semula pelancongan domestik.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan diunjur kembali pulih sebanyak 7.3% didorong oleh aktiviti perjalanan dan pelancongan yang dibenarkan secara berfasa dimulai dengan gelembung pelancongan antara negara terpilih. Pelanjutan TRP yang bermula pada September 2021 dan disusuli kebenaran rentas negeri akan mempercepat pertumbuhan aktiviti berkaitan pelancongan domestik terutamanya penginapan hotel, membeli-belah dan bersiar-siar. Peningkatan pelanggan di restoran bagi individu yang lengkap divaksin juga dijangka merangsang pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor utiliti diunjur meningkat sebanyak 6.7% dipacu oleh permintaan lebih tinggi daripada segmen perniagaan dan perindustrian. Peningkatan penggunaan

elektrik dijangka akan disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam segmen kediaman dan perniagaan. Situasi ini selari dengan aktiviti ekonomi yang lebih rancak serta penerimgunaan yang meluas terhadap pendigitalan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur meningkat 6.1% terutamanya disokong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Usaha Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) untuk mempromosikan gelembung pelancongan kesihatan dijangka meningkatkan segmen kesihatan swasta. Sehubungan itu, MHTC menasarkankan hasil pelancongan kesihatan meningkat sebanyak 66.7% kepada RM800 juta pada 2022. Universiti swasta telah melaksanakan beberapa langkah bagi menggalakkan lebih banyak kemasukan pelajar termasuk penuntut asing dengan menyediakan kursus baharu, ruang pembelajaran yang fleksibel serta menawarkan pelbagai biasiswa dan skim pembayaran yang fleksibel. Langkah ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015 – 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa kepada 250,000 menjelang 2025. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka berkembang sebanyak 5.3% pada 2022.

## Sektor Pembuatan

*Pengukuhan permintaan domestik dan luar akan mendorong pertumbuhan sektor*

Sektor **pembuatan** diunjur berkembang sebanyak 4.7% pada 2022 disokong oleh prestasi mampan dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Sebagai antara negara utama dalam perdagangan semikonduktor dunia, permintaan global yang kukuh bagi produk E&E akan terus memacu sektor pembuatan di Malaysia. Peraturan penjagaan kesihatan global yang lebih ketat serta peningkatan kesedaran mengenai kebersihan akan mendorong pengeluaran lebih tinggi bagi segmen getah dan berkaitan bahan kimia. Sementara itu, jangkaan aktiviti industri dan pembinaan yang lebih rancak di

samping permintaan yang lebih tinggi bagi produk berkaitan isi rumah akan menyokong pertumbuhan sektor ini.

### Sektor Pertanian

#### *Segmen komoditi akan mendorong pertumbuhan*

Sektor **pertanian** diunjur berkembang sebanyak 3.9% terutamanya disokong oleh segmen komoditi. Subsektor kelapa sawit dijangka kembali pulih seiring dengan pengeluaran CPO yang lebih tinggi berikutan peningkatan pengeluaran buah tandan segar (FFB) dan kadar pengekstrakan minyak yang lebih baik. Pelonggaran sekatan rentas sempadan ke atas pekerja asing yang dijangkakan pada separuh kedua 2022 akan menambah baik penawaran tenaga buruh, seterusnya meningkatkan output subsektor ini. Penyambungan semula program biodiesel B20 negara dalam segmen pengangkutan dan permintaan CPO yang lebih tinggi

dari India dan China juga dijangka terus menyokong pengeluaran CPO. Selain itu, output getah diunjur lebih tinggi berikutan aktiviti penorehan yang menggalakkan didorong oleh harga getah yang kukuh. Permintaan getah asli dunia yang dijangka meningkat akan turut menggalakkan pengeluaran getah domestik. Pembangunan Koridor Lateks Wilayah Timur dan penerimgunaan pendigitalan dalam industri melalui penggunaan platform My Rubber Online (MyROL) dan aplikasi telefon pintar RRIMniaga dijangka merancakkan subsektor ini. Sementara itu, subsektor ternakan dan pertanian lain diunjur meningkat berikutan permintaan lebih tinggi bagi barangan makanan terutamanya semasa perayaan. Seterusnya, dasar Kerajaan yang menekankan kemampuan industri agromakanan dan agrikomoditi akan menggariskan strategi untuk terus mengukuhkan sektor pertanian bagi memastikan sekuriti makanan.

#### RENCANA 2.4

### Memperkasa Sekuriti Makanan Melalui Kemampuan Sektor Pertanian

#### Pengenalan

Sekuriti makanan merujuk kepada situasi apabila semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi untuk mendapatkan makanan mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi citarasa dan keperluan diet untuk kehidupan yang aktif dan sihat (Food and Agriculture Organisation of the United Nations, 2006). Abdullah et al. (2021) meringkaskan empat tonggak sekuriti makanan seperti dalam Rajah 2.4.1. Pada peringkat nasional, sekuriti makanan merupakan situasi apabila sesebuah negara dapat memenuhi keperluan makanan penduduk secara berterusan dan stabil.

Jumlah penduduk yang semakin bertambah telah meningkatkan permintaan terhadap makanan. Walau bagaimanapun, tidak semua negara mampu menghasilkan bekalan makanan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan tempatan. Permintaan makanan yang terus meningkat dan kekurangan keupayaan untuk menghasilkan bekalan yang mencukupi telah meningkatkan keperluan sekuriti makanan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Rencana ini memberikan perspektif keseluruhan mengenai sekuriti makanan di Malaysia, isu dan cabaran yang dihadapi serta pelan dan inisiatif Kerajaan untuk memperkukuh sekuriti makanan negara.

**RAJAH 2.4.1** Empat Tonggak Sekuriti Makanan




Sumber: Food and Agriculture Organisation of the United Nations

### Prestasi Agromakanan

Agromakanan kekal menjadi komponen penting sektor pertanian bagi mencapai sekuriti makanan dan kemampuan pembangunan ekonomi di Malaysia. Dari semasa ke semasa, sumbangan agromakanan kepada sektor pertanian telah meningkat dengan ketara. Agromakanan merangkumi terutamanya padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan. Pada 2016 – 2020, agromakanan berkembang secara purata sebanyak 3% terutamanya disokong oleh segmen ternakan. Sumbangan agromakanan kepada keseluruhan sektor pertanian meningkat daripada 45.3% pada 2015 kepada 51.5% pada 2020. Peningkatan ini sejajar dengan objektif Dasar Agromakanan Nasional (DAN) untuk meningkatkan sumbangan agromakanan kepada ekonomi.

**RAJAH 2.4.2.** Pengeluaran dan Penggunaan Makanan bagi Tanaman Terpilih, 2020




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi pengeluaran makanan utama, sebanyak 2.3 juta tan metrik padi telah dihasilkan pada 2020. Walau bagaimanapun, pengeluaran tersebut masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan domestik. Kadar sara diri (SSR)<sup>1</sup> beras adalah sebanyak 63% daripada permintaan nasional pada 2019. Pengeluaran beras tempatan perlu ditingkatkan bagi memastikan kecukupan bekalan beras dalam negara memandangkan hanya 9% daripada jumlah pengeluaran beras dunia didagangkan (Bhandari, 2019).

Pengeluaran subsektor ternakan meningkat sebanyak 6.2% pada 2020 berikutan pertumbuhan kukuh segmen telur dan peningkatan segmen ayam/itik. Pengeluaran telur dan daging ayam/itik di Malaysia mencukupi bagi memenuhi permintaan nasional. Produk daging ayam/itik dieksport ke negara seperti Brazil, China dan Thailand. Walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi ternakan lain seperti daging lembu/kerbau dan kambing/bebiri masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan domestik. Malaysia menghasilkan sekitar 43,000 tan metrik daging lembu/kerbau iaitu jauh lebih rendah daripada permintaan yang melebihi 181,000 tan metrik pada 2020. Permintaan daging kambing/bebiri mencatat hampir 42,000 tan metrik dan lebih tinggi daripada pengeluaran sebanyak 4,000 tan metrik. Justeru, strategi pertanian nasional telah memberi penekanan untuk meningkatkan bekalan domestik dengan memperkasa penyelidikan dalam peningkatan genetik, menambah baik teknik pembiakan, memastikan bekalan bahan makanan ternakan berkualiti yang mencukupi, memperkukuh pusat tenusu dan mentransformasikan ladang berskala kecil bagi menanganai defisit penawaran.

**RAJAH 2.4.3. Pengeluaran dan Penggunaan Makanan bagi Ternakan, 2020**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Isu dan Cabaran dalam Memastikan Sekuriti Makanan

Sekuriti makanan merupakan antara agenda utama dalam merealisasikan Agenda 2030 dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Galanakis (2020) menyatakan bahawa sistem makanan memainkan peranan penting untuk mencapai SDG2 (Kebuluran Sifar) terutamanya dalam

<sup>1</sup> Kadar sara diri (SSR) menerangkan sejauh mana bekalan komoditi pertanian sesebuah negara dapat memenuhi permintaan domestik. SSR yang mencapai 100% atau lebih menunjukkan pengeluaran komoditi pertanian adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

memastikan sekuriti makanan dan meningkatkan nutrisi makanan. Kini, matlamat tersebut menjadi semakin penting berikutan tekanan demografi yang lebih besar, peningkatan urbanisasi dan perubahan iklim.

Walaupun terdapat kemajuan yang menggalakkan dalam meningkatkan pengeluaran makanan dan memastikan sekuriti makanan, namun Malaysia masih menghadapi beberapa cabaran terutamanya ketika pandemik COVID-19. Kedudukan Malaysia dalam Global Food Security Index (GFSI) 2020 jatuh ke tangga ke-43 dari 113 negara pada 2020 berbanding tangga ke-28 pada 2019 dengan skor sebanyak 67.9%. Skor tersebut berdasarkan empat kategori iaitu kemampuan, ketersediaan, kualiti dan keselamatan serta sumber semulajadi dan ketahanan. Malaysia memperoleh skor di bawah kategori kemampuan sebanyak 85.5% terutamanya disebabkan oleh inflasi makanan yang rendah, bilangan penduduk yang kecil di bawah garis kemiskinan global dan program jaringan keselamatan makanan. Walau bagaimanapun, skor yang lebih rendah dalam kategori lain antaranya disebabkan oleh perbelanjaan awam yang rendah bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian, kempen pendidikan mengenai kepentingan diet seimbang dan berkhasiat yang tidak berkesan, ketiadaan agensi khusus yang bertanggungjawab untuk sekuriti makanan dan kebergantungan tinggi kepada import makanan.

#### *Perbelanjaan Awam yang Rendah bagi Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian*

Jumlah perbelanjaan penyelidikan pertanian Malaysia tidak berubah dalam sedekad menjelang 2017, dengan purata sekitar RM0.9 bilion hingga RM1 bilion setahun (Agricultural Science and Technology Indicators, 2020). Dari segi perbelanjaan penyelidikan pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar sektor pertanian, nisbah tersebut telah berkurang dari 1.9% pada 2002 kepada 0.9% pada 2017. Olsson dan Meek (2013) menyatakan bahawa Malaysia menghadapi cabaran besar dalam menjadikan sistem R&D dan inovasi lebih berkesan berikutan produktiviti yang rendah serta keupayaan teknologi dan institusi yang terhad dalam sektor awam dan swasta.

#### *Kempen Pendidikan Mengenai Kepentingan Diet Seimbang dan Berkhasiat yang Tidak Berkesan*

Terdapat kebimbangan mengenai masalah kebantutan dalam kalangan kanak-kanak terutamanya dalam kalangan golongan mudah terjejas di bandar yang antaranya disumbangkan oleh faktor malnutrisi. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah melaksanakan dasar berlembut seperti program dan kempen pendidikan awam untuk meningkatkan kesedaran tentang diet dan gaya hidup sihat (Muda et al., 2019). Dasar tersebut tidak berkesan untuk mencegah lebih banyak individu daripada mengambil makanan diproses yang tidak sihat (Akademi Sains Malaysia, 2013). Promosi dan pendidikan kesihatan sahaja tidak memadai untuk mengubah tingkah laku individu berbanding dengan penggubalan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan disokong dengan penguatkuasaan berkesan.

#### *Ketiadaan Agensi Khusus yang Bertanggungjawab untuk Sekuriti Makanan*

Beberapa negara telah menubuhkan agensi khusus untuk menangani isu sekuriti makanan. Sebagai contoh, Agensi Makanan Singapura (SFA) ditubuhkan pada 1 April 2019 sebagai lembaga berkanun untuk memantau sekuriti dan keselamatan makanan daripada bahan mentah kepada juaah. Agensi ini menggabungkan fungsi berkaitan makanan yang dijalankan oleh pihak berkuasa nasional lain di Singapura. Sementara itu, Badan Ketahanan Pangan telah dibentuk di bawah Kementerian Pertanian Indonesia untuk memperkukuh ketersediaan, akses dan simpanan makanan. Bagi Malaysia pula, tiada agensi khusus yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi tersebut berikutan skop sekuriti makanan yang meluas.

### *Kebergantungan Tinggi kepada Import Makanan*

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah menjadi pengimport bersih makanan dan mengakibatkan defisit perdagangan makanan meningkat daripada RM1.1 bilion pada 1990 kepada RM21.7 bilion pada 2020. Penyumbang utama defisit adalah bijirin dan sediaan bijirin yang merangkumi 22.8%, sayur-sayuran (18.9%) dan bahan makanan ternakan (17%) pada 2020. Pengurangan kebergantungan negara terhadap makanan diimport dalam waktu terdekat merupakan usaha yang mencabar memandangkan jumlah defisit yang tinggi dan volatiliti kadar pertukaran.

### **Inisiatif untuk Mengukuhkan Sekuriti Makanan**

Walaupun sektor pertanian hanya menyumbang 7.4% daripada ekonomi pada 2020, namun Kerajaan sentiasa mengiktiraf kepentingan sektor pertanian bagi mengukuhkan sekuriti makanan negara. Sehubungan itu, sekuriti dan kemampuan makanan merupakan antara elemen utama dalam rancangan dan dasar pertanian nasional. Fokus dasar tersebut antara lain bagi meningkatkan pengeluaran domestik serta menambah baik produktiviti, akses pasaran dan kestabilan. Sebagai contoh, Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 – 2020 menekankan pemodenan sektor pertanian terutamanya melalui R&D inovatif, teknologi canggih dan pendigitalan.

Akibat krisis pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi sejak Mac 2020 termasuk langkah memperkukuh sektor pertanian. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk Dana Jaminan Makanan bagi menyediakan pelbagai bantuan kepada petani dan nelayan untuk meningkatkan pengeluaran domestik. Peruntukan tambahan berjumlah RM100 juta turut disediakan bagi pembangunan infrastruktur penyimpanan dan pengedaran makanan serta program integrasi tanaman.

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Nasional, 2021 – 2025 akan memastikan kesediaan Malaysia untuk menghadapi krisis sekuriti makanan meliputi empat dimensi dalam jangka masa sederhana. Pelan ini merangkumi lima strategi teras termasuk penggunaan teknologi, pemerksaan penyelidikan dan kajian, penambahbaikan data sekuriti makanan dan peluasan kolaborasi strategik. Strategi ini dijangka dapat menyumbang kepada ketersediaan makanan yang selamat pada harga berpatutan, meningkatkan pengeluaran makanan domestik serta mengurangkan kebergantungan import makanan dan tenaga kerja asing.

Selain itu, Dasar Agromakanan Nasional 2.0 (DAN 2.0) akan meneruskan objektif dasar pertanian agromakanan semasa. Dasar ini bertujuan mempercepat pemodenan sektor pertanian serta mengawal permintaan dan penawaran komoditi makanan di samping memberi fokus produktiviti jangka masa panjang melalui pendigitalan. Sementara itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 menggariskan strategi bagi kemampuan sektor pertanian moden dan menggiatkan usaha untuk meneroka potensi ekonomi makanan.

### **Kesimpulan**

Pertambahan jumlah penduduk memerlukan lebih banyak bekalan makanan bagi menampung kehidupan. Sehubungan itu, Malaysia perlu memastikan sektor pertanian menjadi sumber bekalan makanan utama. Negara memiliki potensi besar untuk sara diri dalam komoditi makanan berikutan tanah suai tani yang luas serta cuaca dan sumber alam bersesuaian. Kerajaan memberi penekanan

terhadap penggunaan teknologi dan jentera dalam sektor pertanian untuk meningkatkan produktiviti. Justeru, penubuhan agensi khusus sekuriti makanan sangat penting terutamanya untuk menggubal dan melaksanakan dasar sekuriti makanan di peringkat nasional. Langkah ini dapat dilaksanakan melalui penggabungan fungsi berkaitan sekuriti makanan dari pelbagai agensi sedia ada untuk mengoptimumkan sumber. Pada masa yang sama, terdapat kepentingan untuk meningkatkan kapasiti agensi R&D semasa. Semua inisiatif tersebut akan membantu memanfaatkan sepenuhnya potensi sektor pertanian moden untuk membekalkan input yang pelbagai dan berkualiti kepada sektor ekonomi lain serta membangunkan ekonomi makanan bersepadu. Kolaborasi dan perkongsian pintar antara sektor awam dengan sektor swasta dalam menangani isu sekuriti makanan membolehkan Malaysia memiliki lebih banyak peluang dalam memastikan keselamatan sektor pertanian dan pengukuhan sekuriti makanan negara.

## Sektor Perlombongan

*Perkembangan global akan mempengaruhi prestasi sektoral*

Prestasi sektor **perlombongan** akan dipengaruhi terutamanya oleh ketidakpastian tempoh pandemik COVID-19. Sektor ini diunjur menyusut secara marginal sebanyak 0.3% berikutan pengeluaran minyak mentah dan kondensat yang lebih rendah kesan daripada penutupan berjadual beberapa medan dan fasiliti minyak dan gas bagi tujuan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, output gas asli dijangka meningkat disokong oleh pengeluaran dari medan gas baharu di Sabah dan didorong oleh permintaan tinggi rakan dagang utama terutamanya dari China dan Jepun. Di samping itu, peningkatan aktiviti ekonomi global dan pengurangan jangkitan COVID-19 juga dijangka memacu penggunaan tenaga global yang lebih tinggi. Justeru, purata harga minyak mentah Brent diunjur meningkat sekitar USD66 setong pada 2022. Jangkaan ini lebih rendah berbanding unjuran harga pada 2021 iaitu USD68 setong. Walau bagaimanapun, anggaran tersebut bergantung kepada pergerakan harga global yang sangat dipengaruhi oleh tahap pengeluaran minyak Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) serta stok minyak AS.

## Sektor Pembinaan

*Projek utama akan memulih pertumbuhan*

Sektor **pembinaan** dijangka kembali pulih sebanyak 11.5% pada 2022 hasil daripada prestasi yang lebih baik bagi semua subsektor. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam dijangka kembali positif berikutan penyambungan semula dan langkah mempercepat projek infrastruktur utama seperti Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3), Transit Aliran Mass Laluan 3 (MRT3), Sistem Transit Rapid Johor-Singapura (RTS) serta Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Projek utiliti termasuk Hidroelektrik Baleh, Program Grid Bekalan Air Sarawak dan Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar 3 dijangka akan terus memacu pertumbuhan. Pada masa yang sama, subsektor bangunan kediaman diunjur terus berkembang sejajar dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kekurangan rumah mampu milik. Antara langkah tersebut termasuk lanjutan Skim Sewa untuk Beli, pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama serta program Rumah Mesra Rakyat dan Program Perumahan Rakyat. Subsektor bangunan bukan kediaman juga dijangka meningkat disokong oleh projek komersial seperti Kwasa Damansara, Tun Razak Exchange dan KLIA Aerialopolis.

## Permintaan Domestik

*Peningkatan permintaan akan memacu pertumbuhan ekonomi*

Aktiviti ekonomi pada 2022 dijangka kembali ke tahap prapandemik berikutan kemajuan pesat program vaksinasi di seluruh negara. Semua komponen perbelanjaan diunjur mencatat pertumbuhan positif walaupun sebahagian komponen menyederhana berikutan kesan asas yang tinggi dan perkembangan sektor luar negara. Perbelanjaan awam dijangka kembali pulih dengan ketara sejajar dengan pelaksanaan segera projek infrastruktur berskala besar. Oleh itu, permintaan domestik diunjur terus berkembang sebanyak 6.6%.

**Penggunaan swasta** diunjur meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 7.3%. Peningkatan ini dijangka disokong oleh pendapatan boleh guna lebih tinggi dan prospek pekerjaan lebih baik berikutan

pemulihan ekonomi yang menyeluruh. Keyakinan pengguna yang bertambah baik dan kesan kekayaan positif disokong oleh pemulihan pasaran saham juga dijangka merangsang perbelanjaan penggunaan swasta.

**Pelaburan swasta** diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 2.6% seiring dengan langkah Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan berkualiti dalam industri berteknologi dan bernilai tambah tinggi serta berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Antara industri berimpak tinggi ialah E&E, bahan kimia, mesin & peralatan, aeroangkasa dan peranti perubatan yang mempunyai kesalinghubungan kukuh dengan industri domestik yang lain. Selari dengan Dasar 4IR Negara untuk meningkatkan penerimgunaan pembuatan pintar dan pendigitalan, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pelaburan dalam mesin pintar, automasi dan robotik, kenderaan berpandu automatik, logistik pintar, IoT dan perkhidmatan berasaskan awan.

### RENCANA 2.5

## Menggalakkan Pelaburan Berkualiti bagi Mencapai Pembangunan Mampan

### Pengenalan

Malaysia berjaya menarik pelaburan daripada pelabur domestik dan asing sejak beberapa dekad yang lalu. Syarikat dari seluruh dunia mengambil peluang untuk turut serta dalam persekitaran ekonomi Malaysia yang pesat berkembang. Pelaburan tersebut telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat, menggalakkan pembangunan teknologi baharu tempatan, memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan menambah baik kualiti hidup secara menyeluruh.

Seiring dengan perubahan masa, Malaysia kini berdepan dengan persaingan sengit terutamanya daripada negara serantau. Negara tersebut berkembang lebih pantas dan menawarkan pakej pelaburan yang lebih menarik selain mempunyai pasaran yang lebih luas dan kos buruh lebih rendah. Keadaan ini menjadi cabaran kepada Malaysia untuk bersaing dengan negara yang mempunyai kelebihan tersebut. Oleh itu, industri bernilai tambah rendah dan berintensif buruh yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional tidak lagi mampu menjana pertumbuhan yang mampan dan inklusif.



Sehubungan itu, Malaysia perlu berubah dengan lebih pantas bagi meletakkan kedudukannya sebagai destinasi pelaburan berkualiti. Aktiviti pelaburan berkualiti dapat menyumbang dalam mewujudkan pekerjaan bermutu dan bernilai tambah tinggi; meningkatkan asas kemahiran bagi negara tuan rumah; memudah cara pemindahan teknologi, pengetahuan dan kepakaran; serta memperkukuh daya saing syarikat tempatan dan membolehkan akses syarikat kepada pasaran di samping mengamalkan tanggungjawab sosial dan alam sekitar (Moran et al., 2018). Sebaliknya, kekurangan pelaburan yang berkualiti akan menghalang peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi, berpacuan inovasi serta inklusif (BNM, 2020). Justeru, pembaharuan dasar secara pantas dan berkesan di samping pengenalan insentif khusus yang menarik amat perlu dilaksanakan bagi menggalakkan pelaburan berkualiti.


Sejajar dengan langkah menggalakkan pelaburan berkualiti yang menekankan pembangunan mampan, Malaysia komited kepada Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pengenalan SDG pada 2015 telah menggariskan matlamat universal merentasi dimensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menangani keperluan sosial dan memastikan kelestarian alam sekitar menjelang 2030. Oleh itu, Malaysia komited untuk mencapai pembangunan mampan dan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Selari dengan WKB 2030, Malaysia perlu menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dalam sektor SDG terutamanya dalam infrastruktur; tenaga boleh baharu; air dan sanitasi; makanan dan pertanian; serta penjagaan kesihatan. Ditambah pula dengan impak pandemik COVID-19 yang dijangka berpanjangan, keperluan untuk Malaysia menggalakkan pelaburan berkualiti semakin meningkat bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Rencana ini membincangkan situasi semasa pelaburan swasta di Malaysia, bidang yang berpotensi untuk pelaburan swasta, inisiatif Kerajaan yang sedang dilaksanakan, cabaran dalam mereka bentuk rangka kerja pelaburan berkaitan SDG di seluruh dunia dan beberapa cadangan dasar untuk menarik pelaburan berkualiti ke arah mencapai matlamat SDG.

### **Trend Pelaburan Swasta**

Sebelum Krisis Kewangan Asia (AFC) pada 1997/1998, pelaburan swasta benar menyumbang secara purata sebanyak 24.1% kepada KDNK bagi tempoh 1991 – 1996 (Rajah 2.5.1.). Walau bagaimanapun, AFC dan Krisis Kewangan Global pada 2008/2009 mengakibatkan sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK berkurang kepada purata 12.5% bagi tempoh 1997 – 2010. Pelaburan swasta kembali menunjukkan trend meningkat dalam tempoh 2011 – 2020 dengan purata sumbangan sebanyak 16.1% kepada KDNK berikutan pelaksanaan Model Ekonomi Baharu, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi serta Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015) dan Kesebelas (2016 – 2020). Namun begitu, pandemik COVID-19 telah menjejaskan ekonomi negara dan menyebabkan sumbangan pelaburan swasta berkurang kepada 15.7% pada 2020 berbanding 16.8% kepada KDNK pada 2019.


**RAJAH 2.5.1. Pelaburan Swasta sebagai Sumber Utama Pertumbuhan di Malaysia**



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Usaha menarik pelaburan swasta meliputi pelaburan langsung domestik (DDI) dan pelaburan langsung asing (FDI) penting untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia terutamanya bagi mewujudkan pekerjaan dan memperluas eksport. Dalam tempoh 2001 – 2020, sumbangan tertinggi aliran FDI bersih kepada jumlah pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat 20% pada 2007 dengan nilai sebanyak RM29.5 bilion (Rajah 2.5.2.). Namun begitu, sumbangan tersebut terus berkurangan dan mencatat 5% pada 2020 dengan nilai sebanyak RM14.6 bilion. Pengurangan aliran FDI bersih tersebut terutamanya disebabkan oleh perubahan dasar pelaburan di Malaysia yang kurang menggalakkan pelaburan dalam aktiviti pemasangan berkemahiran rendah dan berintensifkan buruh. Selain itu, wujud persaingan sengit dari negara yang menawarkan kos buruh rendah seperti China dan Viet Nam. Dalam hal ini, Malaysia semakin selektif dalam menarik pelaburan serta lebih menumpukan kepada aktiviti ekonomi yang bernilai tambah tinggi dan kurang berintensifkan buruh.


**RAJAH 2.5.2. Aliran Pelaburan Langsung Bersih, 2001 – 2020**  
(% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pengindustrian memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dengan sumbangan ketara oleh FDI. Walau bagaimanapun, peningkatan persaingan dalam kalangan negara serantau telah menyebabkan penurunan trend FDI terutama dalam sektor pembuatan berkos rendah. Justeru, Kerajaan telah membangunkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (1996 – 2005) dengan tumpuan terhadap pertumbuhan sektor pembuatan di samping pertumbuhan sektor perkhidmatan sebagai industri sokongan. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (2006 – 2020) pula telah diperluas dengan merangkumi sumber pertumbuhan baharu dalam sektor perkhidmatan. Di samping itu, Blueprint Sektor Perkhidmatan 2015 telah dirangka bagi menyediakan rangka kerja strategik sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, purata sumbangan pelaburan swasta benar dalam sektor perkhidmatan meningkat kepada 58.9% daripada keseluruhan pelaburan swasta dalam tempoh 2016 – 2020 berbanding 47.7% dalam tempoh 2006 – 2010 (Rajah 2.5.3.). Sektor perkhidmatan kini berpotensi untuk menarik pelaburan berkualiti ke Malaysia terutamanya dalam bidang ekonomi digital, perkhidmatan perniagaan global, Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), pusat perkhidmatan guna sama, industri kandungan dan logistik.

**RAJAH 2.5.3.** Purata Pelaburan Swasta Benar mengikut Sektor, 2006 – 2020 (% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran  
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

**Inisiatif Kerajaan dalam Menggalakkan Pelaburan Berkualiti dan Mencapai SDG**

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik pelaburan swasta berkualiti terutamanya dalam projek berintensif kemahiran dan pengetahuan yang mempunyai nilai tambah dan berteknologi tinggi serta menekankan penyelidikan, pembangunan dan rekabentuk (R&D&D). Projek tersebut akan menggalakkan kemajuan teknologi dan peningkatan produktiviti serta mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi. Bidang fokus dalam sektor perkhidmatan meliputi pendidikan, teknologi hijau, penjagaan kesihatan, hotel dan pelancongan, logistik, minyak dan gas, penubuhan hab serantau dan perkhidmatan perniagaan. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan kekal penting dengan memberi penekanan untuk meningkatkan rantaian nilai terutamanya bagi pengeluaran produk elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, kimia dan produk kimia, aeroangkasa dan peranti perubatan.

Malaysia menawarkan pelbagai dasar mesra perniagaan, infrastruktur yang tersedia dan sokongan kemudahan daripada Kerajaan bagi menempatkan negara sebagai pilihan utama destinasi pelaburan. Kerajaan juga memperkenalkan inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) iaitu platform perkongsian awam-swasta untuk membantu pemain industri dan perniagaan dalam mengenal pasti dan mengurangkan beban kawal selia yang tidak perlu. Selain itu, Kerajaan menubuhkan Unit Penyelarasan dan Kemajuan (PACU) untuk mempercepat kelulusan permohonan dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia. Penubuhan Pusat Sehenti (OSC) untuk Pengunjung Perniagaan pula merupakan inisiatif utama lain untuk mempercepat kelulusan kemasukan pelabur ke Malaysia bagi memudahkan pergerakan pengunjung perniagaan. Kerajaan juga memperkenalkan Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif (ICCO) sebagai pusat sehenti untuk menyelaras insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai agensi. Pada April 2021, Kerajaan telah meluluskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) sebagai kerangka pertumbuhan masa depan yang menggariskan asas bagi pembaharuan dasar pelaburan untuk menggalakkan pelaburan berkualiti serta mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Di samping itu, Kerajaan telah melancarkan inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) pada Ogos 2021 dengan lima matlamat hasil utama iaitu memperjelas mandat setiap GLIC; peningkatan fokus kepada pelaburan pembangunan untuk memacu pertumbuhan baharu; menyemarakkan sektor swasta; menyiapkan siaga GLIC bagi masa hadapan melalui peningkatan tadbir urus dan keupayaan; serta mengukuhkan perlindungan sosial dan ketahanan fiskal GLIC.

Kementerian Kewangan mula menjajar dasar fiskal untuk mencapai matlamat SDG menjelang 2030. Penubuhan Dana Amanah MySDG telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 dengan peruntukan awal sebanyak RM20 juta. Dana ini bertujuan melengkapkan peruntukan Kerajaan dan merapatkan jurang pembiayaan untuk program dan projek berkaitan SDG. Pada April 2021, Kerajaan menerbitkan Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia melalui terbitan sukuk bertempoh matang 10-tahun bernilai USD800 juta. Terimaan terbitan ini digunakan secara khusus untuk projek dan program pembangunan yang layak dan mempunyai elemen sosial dan teknologi hijau sejajar dengan agenda SDG. Di samping itu, Kerajaan juga berjaya menerbitkan sukuk bertempoh matang 30-tahun (Sukuk Wakalah) bernilai USD500 juta. Sukuk tersebut telah dilanggan melebihi 6.4 kali yang mencerminkan keyakinan tinggi para pelabur terhadap projek tenaga hijau dan kemampuan negara sebagai destinasi pelaburan yang dipercayai dengan asas ekonomi yang teguh dan prospek pertumbuhan yang kukuh. Lebihan langganan juga menggambarkan keyakinan pasaran terhadap prospek pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara meskipun dalam persekitaran mencabar berikutan pandemik COVID-19.

### **Cabaran dalam Membangun Rangka Kerja Pelaburan berkaitan SDG di Seluruh Dunia**

Kebanyakan negara telah merangka strategi nasional untuk pembangunan mampan sejajar dengan SDG 2030 PBB. Walau bagaimanapun, tidak semua strategi tersebut mempunyai hala tuju jelas dalam menggalakkan pelaburan bermatlamatkan pencapaian SDG. Tambahan pula, instrumen sedia ada untuk menarik pelaburan berkaitan SDG adalah terhad dan tidak bersepadu. Tinjauan global United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) mengenai sistem dasar pelaburan nasional menunjukkan bahawa kurang daripada separuh negara anggota PBB menggunakan kaedah galakan pelaburan yang khusus di bawah SDG (UNCTAD, 2020).

Skim insentif telah menjadi kaedah utama untuk menggalakkan kemasukan pelaburan dalam kalangan negara anggota. Namun demikian, beberapa sektor utama SDG termasuk kesihatan, air dan sanitasi, pendidikan dan penyesuaian kepada perubahan iklim kurang diberi keutamaan.

Sehubungan itu, pendekatan lebih sistematik diperlukan untuk menggabungkan galakan pelaburan dalam strategi SDG dan mengutamakan SDG dalam rangka kerja dasar pelaburan nasional (UNCTAD, 2020).

**Cadangan Dasar**

Kajian SDG Investment Map oleh Standard Chartered mengenal pasti peluang bagi pelabur swasta untuk menyumbang kepada tiga SDG berorientasikan pembangunan fizikal dan infrastruktur di 15 negara berkembang paling pesat di dunia termasuk Malaysia menjelang 2030. Tiga SDG tersebut ialah SDG6 (Air Bersih dan Sanitasi), SDG7 (Tenaga Mampu Bayar dan Bersih) dan SDG9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur). Penemuan kajian ini telah mengenal pasti peluang besar pelaburan swasta di Malaysia bagi menaik taraf infrastruktur pengangkutan berjumlah USD25.8 bilion. Di samping itu, potensi pelaburan swasta bagi meningkatkan tahap penggunaan digital bernilai USD8.8 bilion juga telah dikenal pasti. Pelaburan swasta sebanyak USD0.4 bilion masih diperlukan untuk meningkatkan akses menyeluruh terhadap sanitasi asas dan air bersih walaupun hampir keseluruhan penduduk Malaysia mempunyai akses kepada sanitasi asas dan hampir 96% kepada air bersih.

Laporan UNCTAD World Investment Report 2020 juga telah menyenaraikan beberapa inisiatif dasar yang dapat membantu negara untuk menarik pelaburan berkaitan SDG (Jadual 2.5.1.). Walau bagaimanapun, insentif sedia ada perlu dikaji semula bagi memudahkan pelaburan dalam SDG. Kerajaan juga boleh menyesuaikan insentif khusus untuk menarik pelaburan dalam projek berkaitan SDG dan membangunkan Zon Ekonomi Khas yang memfokuskan SDG. Naratif bagi menarik pelaburan perlu menekankan aspirasi negara untuk menjadi peneraju SDG dan komitmen dalam mencapai matlamat tersebut. Usaha dan sokongan berterusan Kerajaan untuk memudahkan pelabur berkaitan SDG amat penting bagi mengekalkan dan menarik lebih banyak pelaburan. Selain itu, agenda SDG boleh dijadikan kriteria dalam memberi kelulusan jaminan, geran dan pinjaman. Sebagai contoh, penilaian impak sosial dan alam sekitar dijadikan syarat sebelum pembiayaan diliuluskan dan pemantauan secara berterusan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan pelabur terhadap dasar tersebut.

**JADUAL 2.5.1.** Instrumen Dasar Terpilih bagi Menarik Pelaburan dalam SDG

Dasar Nasional bagi Menggalakkan Pelaburan dalam Sektor SDG	
<b>Insentif pelaburan negara tuan rumah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insentif bagi menarik projek berkaitan SDG</li> <li>• Mensyaratkan insentif terhadap prestasi pelabur berkaitan SDG</li> <li>• Zon Ekonomi Khas SDG</li> </ul>
<b>Sasaran pelaburan, kemudahan dan perkhidmatan susulan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran spesifik pelaburan berkaitan SDG</li> <li>• Persediaan projek SDG akan datang</li> <li>• Pembangunan imej (mempromosi ekonomi tuan rumah sebagai peneraju SDG)</li> <li>• Layanan keutamaan dalam proses penentuan pelaburan SDG oleh agensi promosi pelaburan tempatan</li> <li>• Perkhidmatan susulan kepada pelabur SDG</li> </ul>
<b>Jaminan pelaburan dan pinjaman untuk pelaburan ke luar negara berkaitan SDG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian impak persekitaran dan sosial sebagai prasyarat jaminan pelaburan dan pinjaman</li> <li>• Menghubungkan jaminan pelaburan dan pinjaman dengan prestasi pelabur berkaitan SDG</li> <li>• Menyediakan jaminan dan pinjaman eksklusif kepada pelaburan dalam sektor SDG</li> </ul>

Dasar Nasional bagi Mengawal Selia Kemasukan Pelaburan Berkaitan SDG	
<b>Peraturan berhubung penerimaan dan kemasukan pelaburan asing</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keperluan kelulusan pelaburan berkaitan SDG</li> <li>Sekatan kemasukan penuh atau sebahagian dalam sektor berkaitan SDG</li> <li>Mekanisme saringan FDI berkaitan keselamatan negara merangkumi sektor berkaitan SDG</li> </ul>
Perjanjian Pelaburan Antarabangsa	
<b>Menggalakkan dan melindungi pelaburan asing</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengutamakan SDG sebagai objektif teras perjanjian</li> <li>Mengesahkan pihak dalam kontrak mempunyai hak untuk menguatkuasakan kontrak</li> <li>Melarang menurunkan standard alam sekitar dan sosial sebagai kaedah menarik pelaburan</li> </ul>

Sumber : United Nations Conference on Trade and Development

### Kesimpulan

Trend penurunan pelaburan swasta di Malaysia dikaitkan dengan industri berintensif buruh kos rendah yang tidak lagi menjadi faktor terbaik untuk menarik dan menggalakkan pelaburan produktif. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mempromosi pelaburan berkualiti terutamanya bagi pelaburan berteknologi tinggi serta berintensifkan kemahiran dan pengetahuan. Sebagai pemacu utama pertumbuhan, sektor perkhidmatan dan pembuatan perlu terus meningkat dan beralih ke arah rantai nilai yang lebih tinggi dengan menerokai aktiviti bernilai tambah tinggi, berinovasi dan R&D. Peralihan tersebut merupakan elemen utama untuk mendorong Malaysia keluar daripada perangkap negara berpendapatan sederhana.

Justeru, Malaysia perlu mengubah struktur dasar pelaburan sejajar dengan pelan pertumbuhan mampan. Kajian menunjukkan terdapat potensi yang besar dalam pelaburan berkaitan SDG terutamanya untuk menambah baik infrastruktur pengangkutan dan mempercepat penggunaan digital. Berdasarkan potensi ini, wajar bagi Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan berkualiti yang selaras dengan SDG. Kerajaan juga perlu menarik pelaburan berkualiti yang dapat mendorong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mesra alam sekitar seiring dengan matlamat mencapai negara berpendapatan tinggi.

Perbelanjaan modal sektor awam terus menjadi pelengkap kepada sektor swasta dalam pembangunan negara. Projek utama yang terlibat termasuk penyambungan semula projek berkaitan pengangkutan berskala besar antaranya Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2), LRT3, RTS dan Lebuhraya Pan Borneo serta projek baharu seperti MRT3 dan menaik taraf Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT 2). Selain itu, projek yang dilaksanakan menerusi program JENDELA akan menambah baik infrastruktur digital negara. Perbelanjaan modal daripada pelbagai projek tersebut dijangka menyokong **pelaburan awam** yang melonjak sebanyak 24.1%. Walau bagaimanapun, **penggunaan awam** diunjur meningkat secara marginal

sebanyak 1.1% pada 2022 seiring dengan langkah mengoptimumkan perbelanjaan dan pengurusan kewangan yang berhemat. Namun begitu, Kerajaan akan terus menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan memudah cara aktiviti ekonomi.

Sejajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi domestik, pendapatan negara dalam harga semasa dijangka meningkat sebanyak 7.4%. Sementara itu, **TNK** diunjur berkembang sebanyak 5.5% dengan jumlah pelaburan dijangka meningkat sebanyak 6.9% kepada RM316.5 bilion. Sumbangan TNK diunjur kekal signifikan pada 23.5% daripada PNK terutamanya disumbangkan oleh sektor swasta. Jurang tabungan-pelaburan dijangka kekal

mencatat lebih berjumlah RM55.6 bilion atau 3.5% daripada PNK. Lebihan ini menyediakan mudah tunai mencukupi dalam sistem kewangan yang boleh dimobilisasi untuk membiayai pelaburan produktif jangka panjang tanpa sumber dana luar negara.

## Pendapatan

### *Prospek pendapatan yang lebih baik kepada tenaga kerja*

Aktiviti ekonomi dijangka kembali normal kepada tahap prapandemik pada 2022 dengan lebih banyak peluang pekerjaan dan prospek upah yang lebih baik. Usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui pendigitalan dan peningkatan kemahiran terutamanya dalam industri yang menawarkan gaji yang rendah juga akan menyumbang kepada **PP** yang lebih besar. Berdasarkan jangkaan tersebut, bahagian PP kepada KDNK dijangka kekal 37.3% pada 2022 seperti dalam Rajah 2.8. Peningkatan secara marginal ini akan menjadi cabaran dalam mencapai sasaran jangka masa panjang PP sebanyak 40% kepada KDNK pada 2025 seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Bagi membolehkan Malaysia mencapai perkongsian keuntungan yang lebih seimbang antara pekerja dan pemilik modal dalam ekonomi, industri perlu memberi ganjaran kepada pekerja pada tahap upah yang lebih baik setimpal dengan kelayakan dan prestasi produktiviti pekerja.

Sumbangan **LKK** daripada KDNK diunjur berkurang kepada 59.6% dengan pemilik modal kekal sebagai penyumbang terbesar dalam LKK. Pendapatan pemilik modal dijangka meningkat sebanyak 5.9% manakala pendapatan campuran daripada golongan yang bekerja sendiri berkembang 9.1% pada 2022. Walaupun bilangan usahawan bebas atau pekerja yang bekerja sendiri dijangka meningkat dengan signifikan dalam landskap pekerjaan masa hadapan, golongan ini dijangka terus menghadapi kesukaran untuk mendapatkan sumber pendapatan yang lebih

baik dalam pascapandemik kerana kebanyakan daripada golongan ini terus terlibat dalam aktiviti ekonomi yang bergaji rendah. Oleh yang demikian, sumbangan pendapatan campuran kepada KDNK diunjur hanya meningkat sedikit kepada 20.6%.

Kesan fiskal daripada perbelanjaan subsidi terutamanya bagi program subsidi upah dan bantuan geran khas kepada PMKS di bawah Kumpulan Wang COVID-19 akan disokong oleh jangkaan peningkatan dalam permintaan domestik dan perdagangan luar, pertambahan kutipan cukai perkhidmatan serta usaha strategik untuk memperluas asas cukai dalam masa terdekat. Justeru, pendapatan daripada cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat sebanyak 3.5% manakala perbelanjaan subsidi berkurang sebanyak 48% pada 2022. Hasilnya, **cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import** dijangka meningkat sebanyak 34.3% pada 2022.

## Sektor Luar Negeri

### *Perdagangan terus kukuh*

Pada 2022, **eksport kasar** dianggarkan meningkat 1.5% meliputi semua sektor susulan daripada pertumbuhan perdagangan global yang rancak dan penambahbaikan dalam rantaian bekalan. Eksport barangan pembuatan dijangka berkembang 1.5% didorong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk produk E&E dan bukan E&E. Peningkatan ketara pendigitalan dijangka meningkatkan permintaan bagi semikonduktor terutamanya litar elektronik bersepadu, pemproses dan kawalan yang akan mempercepat pertumbuhan produk E&E pada 2.4%. Di samping itu, kemunculan sektor baharu iaitu penjagaan kesihatan digital yang memerlukan penggunaan peranti perubatan seperti peralatan perubatan elektro, alatan ultra-ungu dan sinar-X dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan produk E&E. Eksport bukan E&E pula dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.9% disumbangkan oleh permintaan tinggi untuk produk petroleum, getah serta kimia dan produk kimia.

Eksport barangan pertanian diunjur meningkat sebanyak 1.2% disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit dan getah asli. Pendapatan eksport daripada barangan perlombongan juga dijangka berkembang sebanyak 1.4% terutamanya disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran utama bagi minyak mentah (1.4%) dan LNG (1%).

**Import kasar** diunjur meningkat sebanyak 1.7% berikutan peningkatan permintaan barangan pengantara, barangan modal dan barangan penggunaan susulan pengukuhan pemulihan ekonomi serta pelaksanaan semula aktiviti pelaburan. Import barangan pengantara dijangka meningkat sebanyak 1.2% disumbangkan oleh pengembangan sektor pembuatan dan pembinaan. Import barangan modal dijangka menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5% berikutan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang lebih pesat. Seterusnya, import barangan penggunaan dijangka meningkat sebanyak 2.1% susulan permintaan isi rumah yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan perbelanjaan pengguna berikutan prospek pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik.

**Akaun semasa** dijangka mencatat lebih banyak sebanyak RM55.6 bilion atau 3.5% daripada PNK sejajar dengan pemulihan berterusan dalam aktiviti perindustrian dan pelaburan. Akaun barangan dianggar merekodkan lebih banyak sebanyak RM178.9 bilion susulan terimaan lebih tinggi didorong oleh lonjakan pertumbuhan dalam kalangan rakan dagang utama meliputi semua sektor ekonomi terutamanya dipacu peningkatan teknologi global. Sementara itu, akaun perkhidmatan diunjur mencatat defisit lebih rendah sebanyak RM57.6 bilion disebabkan oleh peningkatan bayaran dalam akaun perjalanan dan akaun perkhidmatan lain. Bayaran bagi perkhidmatan pengangkutan juga dijangka meningkat kepada RM57.3 bilion berikutan kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing di samping

pengembangan dalam aktiviti perdagangan. Terimaan dijangka meningkat kepada RM25.3 bilion disokong oleh terimaan pendapatan yang lebih baik dalam perjalanan udara dan perkhidmatan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik.

Kadar vaksinasi global yang pantas dan pelonggaran sekatan perjalanan dijangka merangsang aktiviti perjalanan. Defisit dalam akaun perjalanan diunjur mengecil kepada RM14.5 bilion dengan terimaan dianggar meningkat kepada RM16.1 bilion. Walau bagaimanapun, terimaan ini dijangka lebih kecil untuk mengimbangi perbelanjaan residen berkunjung ke luar negara sebanyak RM30.5 bilion ekoran peningkatan permintaan. Sementara itu, akaun perkhidmatan lain diunjur mencatat defisit lebih besar berjumlah RM11.2 bilion sejajar dengan peningkatan bayaran berikutan pengembangan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Akaun pendapatan primer diunjur merekodkan defisit lebih tinggi sebanyak RM54.4 bilion berikutan peningkatan bayaran oleh pelabur asing sejajar dengan aktiviti pelaburan yang kembali beroperasi serta pertambahan pampasan profesional asing. Aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder diunjur mencatat RM11.3 bilion berikutan kiriman wang oleh pekerja asing didorong oleh aktiviti ekonomi domestik yang kukuh.

## Harga

### *Diunjur menyederhana*

**Kadar inflasi** dijangka mencatat 2.1% pada 2022 berikutan prospek ekonomi yang lebih baik dan harga minyak mentah yang stabil. Permintaan penggunaan barang dan perkhidmatan oleh isi rumah dijangka dapat disokong oleh andaian persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Seterusnya, unjuran pertumbuhan aktiviti pelaburan swasta dan pelaksanaan RMKe-12 akan meningkatkan permintaan dalam negeri. **Kadar IHPR** pula diunjur stabil berikutan jangkaan pemulihan ekonomi domestik dan global.



## Pasaran Buruh

*Pasaran buruh yang stabil mewujudkan prospek pekerjaan lebih baik*

Aktiviti ekonomi yang kembali normal kepada tahap prapandemik akan merangsang peningkatan permintaan buruh dan memacu pemulihan pantas dalam pasaran buruh. Justeru, **kadar pengangguran** dijangka berkurang dan kembali mencatatkan guna tenaga penuh iaitu 4% pada 2022. **Jumlah guna tenaga** diunjur terus berkembang sebanyak 2.3% kepada 15.5 juta orang dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga iaitu 64.8% diikuti oleh sektor pembuatan (16.6%) dan pertanian (10.2%) seperti dalam Jadual 2.14 dan Jadual 2.15.

Mobiliti buruh rentas sempadan dijangka meningkat sejajar dengan jangkaan prestasi kesihatan global yang lebih baik dan pembukaan sempadan antarabangsa secara berperingkat. Oleh itu, bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah dan **ekspatriat** juga diunjur bertambah selaras dengan usaha mempercepat pelaksanaan projek pembinaan dan projek utama yang dihentikan sementara waktu semasa tempoh pandemik. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menggalakkan peningkatan produktiviti melalui automasi dan pendigitalan khususnya dalam industri berintensifkan buruh. Usaha tersebut dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja migran seterusnya memberi lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran kepada rakyat Malaysia.

**Produktiviti buruh** diunjur meningkat sebanyak 3.7% kepada RM95,300 pada 2022 terutamanya disumbangkan oleh sektor perkhidmatan berikutan aktiviti pelancongan yang pesat susulan daripada penarikan balik sekatan perjalanan secara berfasa setelah vaksinasi secara menyeluruh tercapai. Pada

masa yang sama, purata **gaji dan upah** bulanan dijangka berkembang sebanyak 6.7% kepada RM3,270 selaras dengan peningkatan produktiviti buruh dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Justeru, keseluruhan PP juga dijangka meningkat pada 2022.

## Kesimpulan

Ekonomi global dijangka pulih pada 2021 hasil daripada usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai negara untuk mengurangkan kesan pandemik. Usaha tersebut merangkumi rangsangan fiskal, sokongan dasar, sistem kewangan yang akomodatif serta pelaksanaan vaksinasi yang meningkatkan sentimen perniagaan dan pengguna. Momentum pertumbuhan dijangka berterusan sehingga 2022 disokong oleh peningkatan permintaan, aktiviti pelaburan dan perdagangan serta transformasi digital.

Sejajar dengan prospek pertumbuhan global yang menggalakkan, KDNK Malaysia diunjur berkembang antara 3% – 4% pada 2021 dan terus meningkat antara 5.5% – 6.5% pada 2022. Pertumbuhan yang diunjur ini dipacu oleh normalisasi aktiviti ekonomi berikutan kadar vaksinasi yang tinggi di seluruh negara, pelaksanaan semula projek dengan kesan pengganda yang tinggi, permintaan luar yang kukuh dan aktiviti pelancongan bersasar terutamanya bagi tujuan perniagaan, kesihatan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko kepada prospek ekonomi negara termasuk tempoh wabak COVID-19 yang berpanjangan akibat kemunculan varian baharu, ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global, pemulihan pasaran buruh yang lebih perlahan, gangguan bekalan komoditi dan ketidaktentuan geopolitik. Justeru, Kerajaan akan memastikan usaha untuk mengukuhkan asas ekonomi negara dilaksanakan demi menjamin pertumbuhan ekonomi yang makmur, inklusif dan mampan.

## Rujukan

---

- Abdullah, R. G., Mersat, N. I., & Wong, S. K. (2021). *Implications of Covid-19 Pandemic on Household Food Security: Experience from Sarawak, Malaysia*. *International Journal of Business and Society*, 22(1), 1-13.
- Agricultural Science and Technology Indicators. (2020). *Malaysia: IFPRI-APAARI – MARDI Country Brief 2020*. Dicapai daripada <https://www.asti.cgiar.org/sites/default/files/pdf/Malaysia-CountryBrief-2020.pdf>
- Akademi Sains Malaysia. (2013). *Prioritizing Food Policy Options to Reduce Obesity in Malaysia*. Dicapai daripada <http://www.interacademies.org/32647/PrioritizingFood-Policy-Options-to-ReduceObesity-in-Malaysia>
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. (2021). *ASEAN+3 Regional Economic Outlook 2021*. Dicapai daripada [https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2021/07/AMRO-AREO-2021\\_26-July.pdf](https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2021/07/AMRO-AREO-2021_26-July.pdf)
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. (2016). Dicapai daripada <https://amro-asia.org/wp-content/uploads/2016/09/amro-agreement.pdf>.
- Asian Development Bank. (2021). *ADB Briefs. Implementing a Green Recovery in Southeast Asia*.
- Asian Development Bank. (2020). *ASEAN Catalytic Green Finance Facility: An ASEAN Infrastructure Fund Initiative - Investment Principles and Eligibility Criteria*. Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2020). *ASEAN Catalytic Green Finance Facility: An ASEAN Infrastructure Fund Initiative - Operations Plan 2019-2021*. Asian Development Bank.
- Asian Development Bank. (2020). *Green Finance Strategies for Post-COVID-19 Economic Recovery in Southeast Asia: Greening Recoveries for People and Planet*. Asian Development Bank.
- Bank Dunia. (2021). *Global Economic Prospects, June 2021*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/publication/global-economic-prospects>
- Bank Dunia. (2020). *Malaysia Economic Monitor, December 2020, Sowing the Seeds*. Dicapai daripada <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/34929>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Laporan Tahunan 2020*. Dicapai daripada [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020\\_en\\_book.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026128/ar2020_en_book.pdf)
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2021). *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020. Inovasi Malaysia: Ke arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik*, 84-97. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti*. Dicapai daripada [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019\\_bm\\_box1.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019_bm_box1.pdf)
- Bank of Korea. (2021). *Real Gross Domestic Product: 2<sup>nd</sup> Quarter of 2021 (Advance Estimate)*. Dicapai daripada <http://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?nttId=10065713&menuNo=400069&pageIndex=2>.
- Bhandari, H. (2019). *Global Rice Production, Consumption and Trade: Trends and Future Directions*. In *Proceedings of the Korean Society of Crop Science Conference*, pp. 5-5.
- Euler Hermes. (2020). *Digital-Enabling Countries Proved More Resilient to the Covid-19 Economic Shock*. Dicapai daripada [https://www.eulerhermes.com/en\\_global/news-insights/economicinsights/Digital-enabling-countries-proved-more-resilient-to-the-Covid-19-economic-shock.html](https://www.eulerhermes.com/en_global/news-insights/economicinsights/Digital-enabling-countries-proved-more-resilient-to-the-Covid-19-economic-shock.html)
- Euler Hermes. (2020). *Global Supply Chain Survey - In Search of Post-Covid-19 Resilience*. Dicapai daripada [https://www.eulerhermes.com/en\\_global/news-insights/economic-insights/Global-Supply-Chain-Survey-In-search-of-post-Covid-19-resilience.html](https://www.eulerhermes.com/en_global/news-insights/economic-insights/Global-Supply-Chain-Survey-In-search-of-post-Covid-19-resilience.html)

- Food and Agriculture Organization of the United Nations. 2006. *Policy Brief, June 2006*. Dicapai daripada [http://www.fao.org/fileadmin/templates/faoitally/documents/pdf/pdf\\_Food\\_Security\\_Cocept\\_Note.pdf](http://www.fao.org/fileadmin/templates/faoitally/documents/pdf/pdf_Food_Security_Cocept_Note.pdf)
- Galanakis, C. M. (2020). *The Food Systems in the Era of the Coronavirus (COVID-19) Pandemic Crisis*, 9(4), 523. MDPI AG. Dicapai daripada <http://dx.doi.org/10.3390/foods9040523>
- Google, Temasek and Bain. (2021). *e-Conomy SEA 2020*. Dicapai daripada [https://storage.googleapis.com/gweb-economysea.appspot.com/assets/pdf/e-Conomy\\_SEA\\_2020\\_Report.pdf](https://storage.googleapis.com/gweb-economysea.appspot.com/assets/pdf/e-Conomy_SEA_2020_Report.pdf)
- Han, B., & Kim, N. (2021). *ASEAN+3 Financial Safety Net More Important Than Ever - AMRO ASIA*. Dicapai daripada <https://www.amro-asia.org/asean3-financial-safety-net-more-important-than-ever/>.
- Henning, C. (2020). *Regional Financial Arrangements and the International Monetary Fund*. Dicapai daripada [https://issuu.com/cigi/docs/rfas\\_and\\_the\\_imf\\_web](https://issuu.com/cigi/docs/rfas_and_the_imf_web)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia 2016-2020*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Digital Economy Malaysia 2021*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Penggunaan ICT dan e-Dagang oleh Pertubuhan 2020*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2020*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2019*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Tenaga Buruh 2019*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Joint Statement of the 24th ASEAN+3 Finance Ministers' and Central Bank Governors' Meeting. (2021).
- Joint Statement of the 12th ASEAN+3 Finance Ministers' and Central Bank Governors' Meeting. (2009).
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). *Tinjauan Ekonomi 2021: Ekonomi Gig*, 78-81
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. (2006). *Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-2020*. Dicapai daripada <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/1690?mid=110>
- Ministry of Trade and Industry Singapore. (2021). Dicapai daripada <https://www.mti.gov.sg/Newsroom/Press-Releases/2021/08/MTI-Upgrades-2021-GDP-Growth-Forecast-to-6-0-to-7-0-Per-Cent>
- Moran, T., Görg, H., Serič, A., & Krieger-Boden, C. (2018). *Attracting FDI in Middle-Skilled Supply Chains*. (Economics Discussion Papers Number 2018-2). Kiel Institute for the World Economy. Dicapai daripada <http://www.economics-ejournal.org/economics/discussionpapers/2018-2>
- Muda, W. M. W., Sundaram, J. K., & Gen, T. Z. (2019). *Addressing malnutrition in Malaysia*. Khazanah Research Institute.
- Ocampo, J. (2007). *Regional Financial Cooperation*. Brookings Institution Press.
- Olsson, A., & Meek, L. (2013). *Effectiveness of Research and Innovation Management at Policy and Institutional Levels: Cambodia, Malaysia, Thailand, and Vietnam*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2021). *No Ordinary Recovery: Navigating the Transition*. OECD Economic Outlook, May 2021. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/economic-outlook/>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *A Systemic Resilience Approach to Dealing with Covid-19 and Future Shocks*. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/coronavirus/policy-responses/a-systemic-resilience-approach-to-dealing-with-covid-19-and-future-shocks-36a5bdfb/>

- Pan, W. (2020). ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. Dicapai daripada [https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2020/11/ESCAP\\_Enhancing-the-CMIM.pdf](https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2020/11/ESCAP_Enhancing-the-CMIM.pdf).
- Persatuan Automotif Malaysia. (2021). *Production and Sales Press Release*. Dicapai daripada <http://www.maa.org.my/news.html>
- Persatuan Perusahaan Kecil Sederhana Malaysia. (2020). *Post RMCO SME Status Survey*.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2021). *Covid-19 and e-Commerce: A Global Review*. Dicapai daripada <https://unctad.org/webflyer/covid-19-and-e-commerce-global-review>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia. (2021). *Coronavirus Dashboard*. Dicapai daripada <https://covid19.who.int/>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia. (2021). *COVID-19 Explorer*. Dicapai daripada <https://worldhealthorg.shinyapps.io/covid/>
- Rhee, C., Sumulong, L., & Vallée, S. (2016). *Global and Regional Financial Safety Nets: Lessons from Europe And Asia*.
- Rusuli, M. S. C., Halim, M. I. A., & Yaziz, M. F. A. (2021). *Attitudes, Awareness, Readiness and Barriers Towards the Internet of Things Adoption Among Construction Industry in East Cost Malaysia*. *Journal of Sustainable Management Studies*, (eISSN 2773-5516), 2(1), 7-15.
- Scheubel, B., & Stracca, L. (2016). *What do We Know About the Global Financial Safety Net? Rationale, Data and Possible Evolution*. Dicapai daripada <https://www.ecb.europa.eu/pub/pdf/scpops/ecbop177.en.pdf>
- Siregar, R., Akkharaphol, & Habchitrchaidol. (2013). Dicapai daripada <https://www.econstor.eu/bitstream/10419/101187/1/734975481.pdf>.
- Southeast Asia Department, Asian Development Bank. (2021). *ASEAN Catalytic Green Finance Facility 2019-2020: Accelerating Green Finance in Southeast Asia*.
- Southeast Asia Department, Asian Development Bank. (2020). *Environmental and Social Management Framework: ASEAN Catalytic Green Finance Facility - Green Recovery Program (ACGF GRP)*.
- Standard Chartered Bank. (2020). *Opportunity 2030 The Standard Chartered SDG Investment Map*. Dicapai daripada <https://av.sc.com/corp-en/content/docs/Standard-Chartered-Opportunity-2030.pdf>
- Sundaram, J.K. & Gen, T.Z. (2019). *Achieving Food Security for All Malaysians*. Khazanah Research Institute.
- Sussangkarn, C. (2010). *The Chiang Mai Initiative Multilateralization: Origin, Development and Outlook*. Dicapai daripada <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/156085/adb-wp230.pdf>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *IMF Staff Country Report: Republic of Korea*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2021/03/24/Republic-of-Korea-2021-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-Staff-Statement-50306>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *World Economic Outlook, October 2021: Recovery During a Pandemic, Health Concerns, Supply Disruptions and Price Pressures*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2021/10/12/world-economic-outlook-october-2021>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *World Economic Outlook, Update July 2021: Fault Lines Widen in The Global Recovery*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2021/07/27/world-economic-outlook-update-july-2021>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *World Economic Outlook, April 2021: Managing Divergent Recoveries*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2021/03/23/world-economic-outlook-april-2021>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2021). *World Economic Outlook Update, January 2021: Policy Support and Vaccines Expected to Lift Activity*. Dicapai daripada: <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2021/01/26/2021-world-economic-outlook-update>

- The Economist Intelligence Unit. (2021). *Country Report China/Indonesia/India*. Dicapai dari <http://www.eiu.com/landing/country-report-update>
- UNCTAD. (2020). *Promoting Investments for Sustainable Development*. Dicapai dari [https://unctad.org/system/files/official-document/webosg2021d2\\_en.pdf](https://unctad.org/system/files/official-document/webosg2021d2_en.pdf)
- UNCTAD. (2020). *World Investment Report 2020*. Dicapai dari [https://unctad.org/system/files/official-document/wir2020\\_en.pdf#page=228](https://unctad.org/system/files/official-document/wir2020_en.pdf#page=228)
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia*. Dicapai dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Blueprint Sektor Perkhidmatan*. Dicapai dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/2blueprint.pdf>
- World Economic Forum. (2019). *Shaping the Future of Digital Economy and New Value Creation*. Dicapai dari <https://www.weforum.org/platforms/shaping-the-future-of-digital-economy-and-new-value-creation>
- World Tourism Organization. (2021). *Vaccines and Digital Solutions To Ease Travel Restrictions*. Dicapai dari <https://www.unwto.org/news/vaccines-and-digital-solutions-to-ease-travel-restrictions>
- World Trade Organization. (2021). *World Trade Primed for Strong but Uneven Recovery After COVID-19 Pandemic Shock*. Dicapai dari [https://www.wto.org/english/news\\_e/pres21\\_e/pr876\\_e.htm](https://www.wto.org/english/news_e/pres21_e/pr876_e.htm)

